

# M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

**Tahap 3**

**PRINSIP PERAKAUNAN**



**PENGURUSAN AKADEMIK  
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

## PRINSIP PERAKAUNAN (TAHAP 3)

**NAMA** :  
**TINGKATAN** :  
**TAHUN** :  
**SEKOLAH** :

**TIDAK BOLEH DIJUAL**



**PENGURUSAN AKADEMIK  
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**CETAKAN PERTAMA 2009**

Cetakan Pertama Disember 2009  
© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini termasuk ilustrasi dan isi kandungan tidak boleh diterbitkan semula bagi tujuan komersial dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 5&6 Blok E14, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Persekutuan, 62604 Putrajaya.

☎ 03 – 88845194 Faks : 03 – 88845195

**Disediakan oleh:**

Unit Teknikal  
Pengurusan Akademik  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kementerian Pelajaran Malaysia

**Diterbitkan oleh :**

Pengurusan Akademik  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kementerian Pelajaran Malaysia

# M-TEK

## MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

### PRAKATA

**M-TEK** singkatan kepada Modul Pembelajaran Teknikal dihasilkan ekoran pencapaian pelajar aliran teknikal yang kurang memberangsangkan. Kekurangan bahan sokongan di pasaran turut menyumbang kepada masalah ini. Selain itu, keupayaan pelajar yang berbeza-beza dalam peperiksaan memberikan cetusan idea kepada Unit Teknikal, Pengurusan Akademik, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk menghasilkan modul ini.

Modul yang disediakan ini selari dengan keperluan sukatan pelajaran tingkatan 4 dan tingkatan 5. Ia merupakan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu guru-guru dan pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik ke tahap yang boleh dibanggakan. Sebagai usaha permulaan modul ini dilengkapi dengan nota ringkas peta minda (*Mind Map*) dan soalan-soalan latihan mengikut topik. Penambahbaikan akan dilakukan dari masa ke semasa agar selari dengan keperluan kurikulum terkini.

Saya mewakili Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Teknikal, Pengurusan Akademik kerana mengambil inisiatif menerajui projek ini. Sekalung penghargaan saya panjatkan kepada guru-guru di atas sumbangan dan kepakaran mereka sebagai panel penulis modul. Semoga **M-TEK** yang disediakan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dengan penggunaan yang optimum. Adalah diharapkan modul ini dapat memberi impak yang besar sebagai bahan sokongan pembelajaran yang sekaligus menyumbang kepada keberhasilan pelajar aliran teknikal untuk melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang yang mampu bersaing diperingkat lebih tinggi.

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kementerian Pelajaran Malaysia



**PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL**  
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

## PRINSIP PERAKAUNAN (TAHAP 3)

### KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
i	<b>SOALAN</b>	
1	TOPIK 2 PERSAMAAN PERAKAUNAN TOPIK 3,4,5,6	1
2	DOKUMEN PERNIAGAAN, JURNAL, LEJAR, IMBANGAN DUGA.	3
3	TOPIK 7 PENYATA KEWANGAN - MILIKAN TUNGGAL	11
4	TOPIK 8 PERAKAUNAN UNTUK TUNAI	16
5	TOPIK 9 PENGGAJIAN	20
6	TOPIK 10 PERKONGSIAN	22
7	TOPIK 11 SYARIKAT BERHAD	26
8	TOPIK 12 KELAB DAN PERSATUAN	28
9	TOPIK 13 REKOD TAK LENGKAP	33
10	TOPIK 14 PENGENALAN PERAKAUNAN PENGURUSAN	38
11	TOPIK 15 MAKLUMAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN	42
ii	<b>SKEMA JAWAPAN</b>	46

PENGURUSAN AKADEMIK  
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

# M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

## SOALAN

PENGURUSAN AKADEMIK  
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**TOPIK 2 : PERSAMAAN PERAKAUNAN****Soalan 1**

Nurul Ain Enterprise ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Johor Bahru, Johor.

Berikut ialah aset dan liabiliti perniagaan pada 31 Julai 2009.

	RM
Alatan pejabat	3000
Stok	16500
Penghutang	4400
Bank	6700
Modal	25000
Pemiutang	5600

Urusniaga dalam bulan Ogos 2009 adalah seperti berikut :

- (i) Membeli sebuah mesin pencetak secara tunai RM 150
- (ii) Menerima dua keping cek berjumlah RM 1200 daripada penghutang.
- (iii) Membeli barang niaga secara kredit RM 1800.
- (iv) Sekeping cek bernilai RM 250 yang diterima daripada penghutang tidak dilayan oleh bank.
- (v) Stok pada harga kos RM 4575 dijual secara kredit RM 7675.

Berdasarkan maklumat diatas , **anda dikehendaki** menyediakan kunci kira-kira pada 31 Ogos 2009. ( Jalan kerja hendaklah ditunjukkan di luar Kunci kira-kira )

**Soalan 2**

Kunci kira-kira pada 31 Mei 2009

<b>Aset bukan semasa</b>		<b>Ekuiti pemilik</b>	
Kenderaan	25000	Modal	30000
Perabot	6450		
		<b>Liabiliti semasa</b>	
<b>Aset Semasa</b>		Pemiutang	3550
Tunai	560	Overdraf bank	5180
Penghutang	3890	Insurans terakru	290
Stok Akhir	3120		
	39020		39020

Urusniaga berikut berlaku selepas Kunci kira-kira disediakan :

- (i) Menerima cek bernilai RM 1250 daripada seorang penghutang setelah memberinya diskaun RM50.
- (ii) Aqif memasukkan wang sebanyak RM 5000 ke dalam akaun bank sebagai modal tambahan.
- (iii) Satu perlina daripada stok barang niaga dijual secara tunai dengan harga RM850. Wang itu telah dibankkan.
- (iv) Membeli komputer RM 3500 untuk kegunaan perniagaan dengan pinjaman bank.
- (v) Mengeluarkan cek-cek untuk membayar insurans terakru RM 290 dan pemiutang RM 2260.
- (vi) Terima invoice bernilai RM 1280 daripada Dania seorang pembekal barang-barang.

**Anda dikehendaki** , menyediakan kunci kira-kira selepas mempertimbangkan urusniaga di atas.

**Soalan 3**

Berikut ialah aset dan liabiliti Perniagaan Fataniah pada 30 Jun 2009.

	<b>RM</b>
Modal	5000
Stok	2650
Untung Bersih	1460
Bank	2020
Sewa Terakru	240
Penghutang	2350
Pemiutang	3160
Perabot	1340
Tunai	1500

Urusniaga berikut berlaku dalam minggu pertama pada bulan Julai 2009.

- (i) Membeli barang-barang bernilai RM800 secara kredit.
- (ii) Membeli komputer berjumlah RM3620 untuk kegunaan perniagaan dengan pinjaman daripada Tania.
- (iii) Menjual setengah daripada stok dengan harga RM 2350 secara tunai. Tunai itu tidak dibankkan.
- (iv) Mengeluarkan cek-cek untuk membayar sewa terakru RM 240 dan pemiutang RM 1580.
- (v) Menjual barang-barang RM230 secara kredit. Kos barang-barang itu ialah RM320.

**Anda dikehendaki:**

Menyediakan Kunci kira-kira pada 31 Julai 2009 selepas mengambilkira urusniaga (i) hingga (iv).

**Soalan 4**

Berikut ialah urusniaga Pusat Salun Alina yang memulakan perniagaan pada bulan Disember 2009.

**Kunci kira-kira pada 31 Disember 2008**

Bangunan	20000	Modal	30000
Alatan pejabat	1720	Untung bersih	3810
Kenderaan	9000	Pemiutang	2650
Stok	3670	Overdraf bank	3680
Penghutang	3340		
Tunai	2410		

Sepanjang minggu pertama dalam bulan Januari 2009, urusniaga berikut telah dijalankan:

- (i) Membeli sebuah kenderaan bernilai RM 8500 yang dibiayai oleh satu pinjaman RM 10000 daripada Bank Berjaya.
- (ii) Menerima cek bernilai RM 1235 daripada seorang penghutang setelah memberinya diskaun RM 65.
- (iii) Alina mengambil barang berkos RM420 untuk kegunaan sendiri.
- (iv) Alina memasukkan wang sebanyak RM 5000 ke dalam akaun bank sebagai modal tambahan.
- (v) Bangunan disusutnilaikan sebanyak 2%.
- (vi) Satu peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas penghutang diwujudkan.
- (vii) Satu perlma daripada stok barang niaga dijual secara tunai dengan harga RM 760. Wang itu telah dibankkan.

Anda dikehendaki :

- a) Menyediakan satu jadual yang sesuai untuk mencatatkan urus niaga di atas.
- b) Mendraf semula Kunci kira-kira pada 31 Januari 2009 selepas mengambil urus niaga di atas.

### Soalan 5

**Dondang Sayang**  
**Kunci kira-kira pada 30 Jun 2009**

Alatan pejabat	3200	Modal	12800
Stok	3000	Pemiutang	3600
Penghutang	2800		
Tunai	1800		
Bank	5600		
	16400		16400
	16400		16400

Urusniaga yang berlaku dalam bulan Julai 2009 adalah seperti berikut :

- (i) Belian barang niaga secara kredit RM 900
- (ii) Menjual barang niaga kepada Cik Azian dengan harga RM620. Kos barang tersebut adalah RM500.
- (iii) Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2200 ke dalam perniagaan.
- (iv) Pulangkan barang yang rosak bernilai RM100 kepada pembekal.
- (v) Bayar sewa kedai RM500 dengan cek.
- (vi) Cek bernilai RM320 yang diterima daripada penghutang tidak dilayan oleh bank.
- (vii) Terima RM1500 daripada penghutang. RM1000 daripada wang itu dibayar terus kepada pemiutang dan bakinya dibankkan.

Berdasarkan kunci kira-kira dan maklumat di atas, **anda dikehendaki** menyediakan Kunci Kira-Kira pada 31 Julai 2009.

### **TOPIK 3,4,5,6:**

### **DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT, JURNAL SEBAGAI BUKU CATATAN PERTAMA, LEJAR DAN IMBANGAN DUGA**

### Soalan 1

Pada 1 April 2009 Cik Amira telah memulakan perniagaan Syarikat Amira La Dolci, iaitu sebuah syarikat yang menjual minyak wangi. Berikut ialah aset yang dibawa masuk semasa memulakan perniagaan:

	<b>RM</b>
Tunai	800
Bank	36 000
Stok	12 000

Urus niaga Syarikat Amira La Dolci bagi bulan April 2009 ditunjukkan oleh dokumen perniagaan di **Lampiran A**.

- (a) Catatkan urus niaga tersebut dalam buku catatan pertama.  
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima)
- (b) Pindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar.
- (c) Imbangkan akaun dan sediakan Imbangan Duga pada 30 April 2009.

Lampiran A

Asal  
 SYARIKAT VYES DIOR  
 463 Jalan Raja Bot  
 54100 Kuala Lumpur  
**INVOIS**

Kepada: Syarikat Amira La Dolci  
 73 Jln. Mutiara Bendahara  
 45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 7 April 2009

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
50	Minyak wangi Rose	65.00	3 250.00
45	Kasut wangi Lily	70.00	3 150.00
75	Minyak wangi Jelita	50.00	3 750.00
			10 150.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		2 030.00
		<b>Jumlah</b>	<b>8 120.00</b>

(Ringgit : Lapan ribu satu rats dua puluh sahaja)  
 Syarat : 5 % 7 Hari  
 Serahan: Angkutan dibayar  
 K & K. D. K  
 Amira  
 .....  
 Penerima

Yasmin  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 1

Asal  
 SYARIKAT VYES DIOR  
 463 Jalan Raja Bot  
 54100 Kuala Lumpur1  
**RESIT RASMI**

Tarikh: 10 April 2009

Diterima daripada: Syarikat Amira La Dolci  
 Ringgit Malaysia : Tujuh ribu tujuh ratus empat belas sahaja  
 Bayaran untuk : Menjelaskan invois 6791 (diskaun tunai RM 406)

RM 7 714.00

No cek: BNB 740710

Yasmin  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 2

Asal  
 SYARIKAT ROSE PERFUME  
 131 Jln.Munshi Abdullah  
 54100 Kuala Lumpur  
**INVOIS**

Kepada: Syarikat Amira La Dolci  
 73 Jln. Mutiara Bendahara  
 45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 13 April 2009

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
40	Minyak wangi Keiko	110.00	4 400.00
35	Kasut wangi Sakura	250.00	8 750.00
30	Minyak wangi Haiti	80.00	2 400.00
			15 550.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		3 110.00
		<b>Jumlah</b>	<b>12 440.00</b>

(Ringgit : Dua belas ribu empat puluh sahaja)  
 Syarat : 5 % 7 Hari  
 Serahan: Angkutan dibayar  
 K & K. D. K  
 Amira  
 .....  
 Penerima

Rose  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 3

Salinan  
 Syarikat Amira La Dolci  
 73 Jln. Mutiara Bendahara  
 45000 K. Selangor Selangor  
**BIL TUNAI**

Kepada: Fairness Enterprise  
 157, Jln. Bendahara  
 45200 Sabak Bernam Selangor

Tarikh: 15 April 2009

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
10	Minyak wangi Water Lily	120.00	1 200.00
15	Kasut wangi Eye	150.00	2 250.00
			3 450.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		345.00
		<b>Jumlah</b>	<b>3 105.00</b>

(Ringgit Malaysia: Tiga ribu satu ratus lima sahaja)  
 Tunai  
 Amira  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 4

Salinan

Syarikat Amira La Dolci  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**INVOIS**

Kepada: Syarikat Melati Beauty  
19 Jalan Cempaka  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 18 April 2009

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
20	Minyak wangi Keiko	110.00	2 200.00
15	Kasut wangi Sakura	250.00	3 750.00
			5 950.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		1 190.00
		<b>Jumlah</b>	<b>4 760.00</b>

(Ringgit : Empat ribu tujuh ratus enam puluh sahaja)  
Syarat : 5 % 7 Hari  
Serahan: Angkutan dibayar  
K & K. D. K

Shahira  
.....  
Penerima

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 5

Syarikat Amira La Dolci  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**MEMOI**

Tarikh: 20 April 2009

Peringatan:  
Pemilik telah mengambil sebotol minyak wangi Sakura RM 250.00 untuk kegunaan promosi

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 6

Salinan

Syarikat Amira La Dolci  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

**NOTA KREDIT**

Kepada: Syarikat Melati Beauty  
19 Jalan Cempaka  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 21 April 2009

Qty	Butir	No Rujukan	H.Seunit	Jumlah
4	Minyak wangi Keiko (dipulangkan kerana retak)	Invois No:3724	110.00	4 40.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%			88.00
			<b>Jumlah</b>	<b>352.00</b>

(Ringgit : Tiga ratus lima puluh dua sahaja)  
Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 7

BANK NASIONAL BERHAD  
52 Persiaran Gurney  
45000 Klang Selangor

**MAKLUMAN DEBIT**

Kepada:  
Syarikat Amira La Dolci  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 24 April 2009  
No. Akaun

:3322456790166  
Sila ambil perhatian bahawa akaun tuan telah didebitkan seperti yang berikut:  
Jumlah: Enam puluh sahaja  
Perkara: Caj bank

**RM60.00**

**Latif**  
.....  
Pengurus

Dokumen 8

Asal

SYARIKAT ROSE PERFUME  
131 Jln. Munshi Abdullah  
54100 Kuala Lumpur

**RESIT RASMI**

Tarikh: 26 April 2009

Diterima daripada : Syarikat Amira La dolci  
Ringgit Malaysia : Tujuh ribu empat ratus empat puluh sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan Sebahagian inoivs No 6792

RM 7 440.00  
Cek: BNB 740711

Rose  
.....  
Pengurus

Dokumen 9

**BAUCER PEMBAYARAN**  
Syarikat Amira La Dolci  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 27 April 2009

Kepada  
Cik Maya Suria

Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Gaji Bulan Ogos 2009	700.00

(Ringgit Malaysia: Tujuh ratus sahaja)  
Tunai/No. Cek

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 10

**Salinan**

**RESIT RASMI**  
Syarikat Amira La Dolci  
73 Jln. Mutiara Bendahara  
45000 K. Selangor Selangor

Tarikh: 30 April 2009

Diterima daripada : Syarikat Melati Beauty  
Ringgit Malaysia : Dua Ribu sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan Sebahagian inoivs No 3724

RM2000.00  
Tunai /No.Cek: BKB 270501

Amira  
.....  
Pengurus

Dokumen 11

**Soalan 2**

Pada 1 Jun 2010, aset-aset dan liabiliti Razak Trading yang menjual alatan sukan ialah seperti berikut

Perabot	2 500
Kelengkapan	5 500
Tunai di bank	9 000
Tunai di tangan	800
Penghutang – Peniaga Arif	250
Pemiutang – Syarikat Cekap	900

Urusniaga-urusniaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Jun 2010 adalah ditunjukkan dalam lampiran A . Berdasarkan dokumen-dokumen tersebut , anda dikehendaki:

- a. Merekodkan catatan dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai ( Jurnal Penerimaan dan Pembayaran Tunai tidak diperlukan )
- b. Memindahkan catatan dalam buku catatan pertama ke lejar
- c. Menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2010

Lampiran A

Asal  
 SYARIKAT CEKAP  
 123 Jalan Jaya  
 47300 Petaling Jaya

**INVOIS**

Kepada: Razak Trading  
 29 Jalan Padamaran  
 42000 Pelabuhan Kelang

Tarikh: 2 Jun 2010

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
10	Bola Sepak Adidas	70.00	700.00
10	Bola keranjang Polar	50.00	500.00
			1200.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		240.00
		<b>Jumlah</b>	<b>960.00</b>

(Ringgit : Sembilan ratus enam puluh sahaja)  
 Syarat : 5 % 7 Hari  
 Serahan: Angkutan dibayar  
 K & K. D. K  
 Razak  
 .....  
 Penerima

Hassan  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 1

Asal  
 SYARIKAT CEKAP  
 123 Jalan Jaya  
 47300 Petaling Jaya

**NOTA KREDIT**

Kepada: Razak Trading  
 29 Jalan Padamaran  
 42000 Pelabuhan Kelang

Tarikh: 5 Jun 2010

Akaun tuan telah di kreditkan seperti berikut:

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
2	Bola sepak Adidas (dipulangkan kerana rosak)	70.00	140.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		28.00
		<b>Jumlah</b>	<b>112.00</b>

(Ringgit : Satu ratus dua belas sahaja)

Hassan  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 2

SALINAN  
 Razak Trading  
 29 Jalan Padamaran  
 42000 Pelabuhan Kelang

**BIL TUNA**

Kepada: En.Lee Kok Leng

Tarikh: 7 Jun 2010

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
4	Bola sepak Adidas	60.00	240.00
2	Kasut wangi Sakura	90.00	480.00
			720.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		72.00
		<b>Jumlah</b>	<b>648.00</b>

(Ringgit : Enam ratus dan empat puluh lapan sahaja)  
**RM648.00**

Razak  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 3

ASAL  
 U'SOFT COMPUTER BERHAD  
 23, Jalan Mak Din  
 463000

**RESIT RASMI**

Tarikh: 15 Jun 2010

Diterima daripada : Razak Trading  
 Ringgit Malaysia : Tiga Ribu dan Enam Ratus Sahaja  
 Bayaran untuk : Membeli sebuah komputer

**RM 3 600**  
 Tunai/ No Cek: RHB 2222333

Usop  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 4

**BAUCER PEMBAYARAN**

Razak Trading  
29 Jalan Padamaran  
42000 Pelabuhan Kelang

Tarikh: 19 Jun 2010

Kepada  
Best Care Enterprise

Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Bayaran untuk pembersihan ruang kedai (secara tunai)	800.00

(Ringgit Malaysia: Lapan ratus sahaja  
Tunai/No. Cek  
Hua Li  
.....  
Penerima

Razak  
.....  
Pengurus

Dokumen 5

ASAL

Syarikat Cekap  
123 Jalan Jaya  
47300 Petaling Jaya

**RESIT RASMI**

Tarikh: 20 Jun 2010

Diterima daripada : Razak Trading  
Ringgit Malaysia : Enam Ratus dan dua puluh sahaja  
Bayaran untuk : Menjelaskan hutang (terima diskaun RM30.00)

**RM 620.00**  
Tunai/ No Cek: RHB 23432

Hassan  
.....  
Pengurus

Dokumen 6

Tarikh: 22 Jun 2010  
Penerima: Encik Razak  
Tujuan : Ambilan Tunai untuk kegunaan Pejabat

	Ringgit	Sen
Baki Akhir		
Dimasukkan		
Jumlah		
<b>Cek ini</b>	<b>300</b>	<b>00</b>
Baki		

No. 222345

Dokumen 7

Salinan

Razak Trading  
29 Jalan Padamaran  
42000 Pelabuhan Kelang

**INVOIS**

Kepada:  
Kedai Alat Sukan Seri Aiman  
45, Jalan Meru  
41059 Klang

Tarikh: 24 Jun 2010

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
8	Bola Tampar	50.00	400.00
10	Bola keranjang Polar	20.00	200.00
			600.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		60.00
		<b>Jumlah</b>	<b>540.00</b>

(Ringgit : Lima ratus empat puluh sahaja)  
Syarat : 5 % 7 Hari  
Serahan: Angkutan dibayar  
K & K. D. K  
Aiman  
.....  
Penerima

Razak  
.....  
Pengurus

Dokumen 8

Asal

Syarikat Cekap  
123 Jalan Jaya  
47300 Petaling Jaya

**RESIT RASMI**

Tarikh: 27 Jun 2010

Diterima daripada : Razak Trading  
 Ringgit Malaysia : Tujuh Ratus Sahaja  
 Bayaran untuk : Menjelaskan sebahagian hutang (terima diskaun RM20.00)

RM 700.00  
 Tunai/No Cek. RHB 222245

Hassan  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 9

**Asal**

**RESIT RASMI**  
 Razak Trading  
 29 Jalan Padamaran  
 42000 Pelabuhan Kelang

Tarikh: 27 Jun 2010

Diterima daripada : Perniagaan Kumar  
 Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja  
 Bayaran untuk : Menjelaskan Komisen jualan

RM 200.00  
 Tunai/No Cek. RHB 26123

Razak  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 10

Asal

SYARIKAT CEKAP  
123 Jalan Jaya  
47300 Petaling Jaya

**INVOIS**

Tarikh: 27 Jun 2010

Kepada:  
 Razak Trading  
 29 Jalan Padamaran  
 42000 Pelabuhan Kelang

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
10	Bola Tampar	40.00	400.00
10	Bola keranjang Polar	15.00	150.00
			550.00
	Tolak: Diskaun niaga 5%		27.50
		<b>Jumlah</b>	<b>522.00</b>

(Ringgit : Lima ratus dua puluh dua sahaja)  
 Syarat : 5 % 7 Hari  
 Serahan: Angkutan dibayar  
 K & K. D. K

Razak  
 .....  
 Penerima

Hassan  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 11

SALINAN

Razak Trading  
 29 Jalan Padamaran  
 42000 Pelabuhan Kelang

**INVOIS**

Tarikh: 29 Jun 2010

Kepada:  
 Kedai Alat Sukan Seri Aiman  
 45, Jalan Meru, 41059

Qty	Butir	H.Seunit	Jumlah
5	Bola Jaring	50.00	250.00
10	Bulu Tangkis	20.00	200.00
			450.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		45.50
		<b>Jumlah</b>	<b>405.00</b>

(Ringgit : Empat ratus lima ringgit sahaja)  
 Syarat : 5 % 7 Hari  
 Serahan: Angkutan dibayar  
 K & K. D. K

Aiman  
 .....  
 Penerima

Razak  
 .....  
 Pengurus

Dokumen 12

**Soalan 3**

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Azroi:

2009		RM
Ogos 1	Baki debit Lejar Belian	177
	Baki kredit Lejar Belian	965
	Baki debit Lejar Jualan	875
	Baki kredit Lejar Jualan	96
Ogos 31	Pulangan belian	243
	Pulangan Jualan	271
	Pembayaran oleh pemiutang	6 120
	Penerimaan daripada penghutang	7 996
	Diskaun diberi	112
	Diskaun diterima	138
	Hutang lapuk	160
	Peruntukan Hutang Ragu	97
	Cek tak layan	125
	Pindahan daripada Lejar Jualan ke Lejar Belian	130
Ogos 31	Baki debit Lejar Belian	110
	Baki kredit Lejar Belian	2 100
	Baki debit Lejar Jualan	1 870
	Baki kredit Lejar Jualan	150

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- Akaun Kawalan Pemiutang
- Akaun Kawalan Penghutang

**Soalan 4**

Maklumat berikut diberi oleh Syarikat Li Seng:

2009		RM
Julai 1	Baki debit Lejar Belian	245
	Baki kredit Lejar Belian	2 370
	Baki debit Lejar Jualan	2 260
	Baki kredit Lejar Jualan	350
Julai 31	Jumlah belian	31 580
	Jumlah jualan	43 260
	Belian tunai	5 530
	Jualan tunai	7 140
	Pembayaran kepada pemiutang	22 875
	Penerimaan daripada penghutang	31 652
	Angkutan dikenakan oleh pembekal	1 244
	Faedah dikenakan ke atas penghutang	132
	Diskaun diterima daripada pemiutang	386
	Diskaun diberi kepada penghutang	413
	Pulangan barang kepada pembekal	292
	Pulangan barang daripada pelanggan	115
	Cek tak layan	276
	Diskaun diberi dibatalkan	30
	Hutang lapuk	490
	Pindahan dari Lejar Belian ke Lejar Jualan	235
	Pindahan dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	179
	Baki debit Lejar Belian	330
	Baki kredit Lejar Jualan	280

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- Akaun Kawalan Pemiutang
- Akaun Kawalan Penghutang.
- Hitung jumlah belian dan jualan

## TOPIK 7 :PENYATA KEWANGAN - MILIKAN TUNGGAL

### Soalan 1

Berikut ialah Imbangan Duga Perniagaan Jamilah Bersaudara pada 30 September 2009

	Debit	Kredit
Bank	5 000	
Penghutang dan Pemiutang	6 000	7 000
Pinjaman		5 000
Alatan pejabat(Kos)	8 000	
Kenderaan (kos)	30 000	
Peruntukan susutnilai kenderaan		3 000
Peruntukan hutang ragu		300
Stok Pada 1 Okt 2008	3 500	
Belian dan Jualan	40 000	60 000
Pulangan	320	200
Cukai Import	500	
Gaji	1 600	
Sewa	3 000	
Insurans	1 200	
Kadar bayaran	1 900	
Komisen		400
Modal 1 Oktober 2008		25 120
	101 020	101 020

Maklumat tambahan :

- i ) Stok pada 30 Sept 2009 dinilai RM 3 700 pada harga kos dan RM 3 200 pada harga pasaran .
- ii ) Seorang penghutang di dapati bankrap dan hutangnya RM 800 di hapuskan
- iii) Sewa terakru RM 300
- iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 5 % atas baki penghutang
- v) Alatan Pejabat dan kenderaan disusutnilaikan pada 10 % setahun mengikut kaedah garis lurus
- vi) Pinjaman bank bermula pada 1 Januari 2009 dengan kadar 8 % setahun .

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 2009
- b) Kunci Kira-kira pada 30 September 2009 dalam bentuk penyata.

**Soalan 2**

Butir-butir berikut diambil daripada buku Pemiagaan Muhammad pada 31 Julai 2009

Pemiagaan Muhammad  
Imbangan Duga pada 31 Julai 2009

	Debit	Kredit
	R	RM
	M	
Bank	4 320	
Penghutang dan Pemiutang	4 900	5 500
Pinjaman		5 000
Alatan Pejabat (Kos)	9 360	
Kenderaan (Kos)	24 800	
Peruntukan Susul Nilai Kenderaan		2480
Peruntukan Hutang Ragu		260
Stok pada 1 Ogos 2009	3200	
Belian dan Jualan	30 800	50400
Pulangan	230	180
Cukai Impot	470	
Gaji	1 420	
Sewa	2 800	
Insurans	1 160	
Kadar Bayaran	! 720	
Komisen		340
Modal pada 1 Ogos 2008		21 020
	85 180	85 180

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Stok pada 31 Julai 2009 dinilai RM3 450 pada kos dan, RM 4 000 pada harga pasaran.
- (ii) Seorang penghutang dijangkakan mufis dan hutangnya RM 400 dihapuskan.
- (iii) Sewa terakru RM 370.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 8 % atas baki penghutang.
- (v) Alatan pejabat dan kenderaan disusutnilaikan pada 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Pinjaman bank bermula pada 1 Mei 2009 dengan kadar faedah 8% setahun.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan pada tahun berakhir 31 Julai 2009 .
- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2009 dalam bentuk peyata (dengan menunjukkan modal kerja).

**Soalan 3**

Berikut adalah maklumat mengenai Perniagaan Lilaodah Enterprise yang menjalankan perniagaan runcit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang dan pemiutang	7600	6500
Overdraf bank		4500
Perabot	8900	
Kenderaan	42000	
Peruntukan susut nilai kenderaan		1200
Stok pada 1 Julai 2008	10080	
Belian dan jualan	46320	82000
Pulangan	1800	120
Gaji	1080	
Sewa	4800	
Insurans	1480	
Kadar bayaran	1600	
Iklan dan promosi	2450	
Modal awal		33790
	128110	128110

**Maklumat tambahan:**

- (i) Stok pada 30 Jun 2009 dinilai sebanyak RM9 600 pada kos dan RM9 200 pada harga pasaran.
- (ii) Sewa tahunan adalah sebanyak RM5 600.
- (iii) Isteri pemilik telah mengambil barang niaga sebanyak RM 180 untuk kegunaan keluarga. Urus niaga ini belum direkodkan dalam buku.
- (iv) Seorang penghutang didapati muflis dan tidak dapat membayar hutangnya sebanyak RM400.
- (v) Aset bukan semasa disusutnilaikan dengan kaedah garis lurus sebanyak 15% setahun ke atas kos.
- (vi) Insurans terdahulu ialah RM240.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009.
- (b) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2009 dengan menunjukkan modal kerja.

**Soalan 4**

Pada 30 April 2009, senarai baki-baki akaun berikut telah dipetik daripada buku-buku Perniagaan Dililah:

	<b>RM</b>
Bank	10 389
Penghutang	24 700
Pemiutang	16 600
Pinjaman 6%	6 400
Kenderaan	23 800
Alatan pejabat	6 700
Peruntukan susut nilai kenderaan	5 600
Hutang lapuk	500
Peruntukan hutang ragu	320
Stok awal	12 040
Belian	51 422
Jualan	89 853
Pulangan masuk	322
Pulangan keluar	273
Cukai import	1 547
Gaji	3 800
Sewa dibayar	1 200
Insurans	1 800
Kadar bayaran	1 560
Diskaun diterima	325
Modal awal	20 409

**Maklumat tambahan:**

- (i) Stok akhir dinilai sebanyak RM 10 080 pada harga kos dan RM 11 000 harga pasaran.
- (ii) Insurans tahunan dibayar mulai 1 Ogos 2008.
- (iii) Alatan pejabat dan kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Seorang penghutang didapati muflis dan hutangnya RM300 menjadi hutang lapuk.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas penghutang bersih.
- (vi) Pinjaman bermula pada 1 Oktober 2008.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2009.
- (b) Kunci Kira-kira pada 30 April 2009 dalam bentuk penyata.

**Soalan 5**

Puan Azura ialah pemilik Kedai Runcit Cendana di Batu Pahat . Berikut ialah Imbangan Duga perniagaannya pada 31 Mac 2009.

Kedai Runcit Cendana		
Imbangan duga pada 31 Mac 2009		
	Debit RM	Kredit RM
	80 900	
Premis	10 750	
Stok pada 1 April 2008	245	340
Pulangan		76200
Belian dan Jualan	64 760	
Bank	4 875	
Sewa		4900
Gaji	8 500	
Angkutan Masuk	650	
Angkutan Keluar	610	
Modal 1 April 2008		100000
Kadar bayaran		
Penghutang dan Pemiutang	2 260	
Alatan (Kos)	9 850	8960
Peruntukan Susut nilai Alatan	7 500	
Ambilan		700
Peruntukan Hutang Ragu	550	
		350
	191 450	191 450
	191 450	191 450

**Maklumat tambahan :**

- i. Stok pada 31 Mac 2009 dinilai :
  - Harga pasaran RM 11 980
  - Harga kos RM 11 650
- ii. Sewa belum terima RM 500.
- iii. Peruntukan susut nilai alatan ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- iv. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas penghutang.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2009
- (b) Kunci kira-kira pada tarikh tersebut. ( dengan menunjukkan modal kerja )

## TOPIK 8 : PERAKAUNAN UNTUK TUNAI

### Soalan 1

Buku Tunai Perniagaan Sri Muhibbah menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 30 April 2009. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh yang sama.

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2009			2009			
Apr 1	Baki b/b	11 200	Apr 4	Kedai Melati	566331	2 710
7	Lokman	745	8	Elly Enterprise	566332	1 205
12	Jualan	3 465	12	Kadar bayaran	566333	437
18	Maria	873	20	Insurans	566334	205
26	Jualan	3 148	23	Belian	566335	650
28	Kedai Muthu	1 066	28	Gaji	566336	2 000
30	Hassan	2 052	30	Baki h/b		15 332
		22 549				22 549
Mei 1	Baki b/b	15 332				

**BANK PERWIRA BERHAD**  
**NO. 11, JALAN DATO' BANDAR TUNGGAL**  
**70000 SEREMBAN**

Perniagaan Sri Muhibbah  
 Lot 323 Jalan Dato' Siamang Gagap  
 70400 Seremban

Tarikh : 30 April 2009  
 No. Akaun : 1423-050-32118

Tarikh	Keterangan	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2009				
April 1	Baki			10 700
2	Deposit		600	11 300
7	Cek No. 566330	100		11 200
13	Cek No. 566331	2 720		8 480
14	Deposit		745	9 225
15	Buku cek	15		9 210
18	Cek No. 566332	1 205		8 005
19	Deposit		3 465	11 470
20	Komisen	220		11 250
21	Cek No. 566333	437		10 813
24	Deposit		873	11 686
24	Cek No. 566334	250		11 436
25	Dividen - Syarikat Zaza Bhd		400	11 836
30	Deposit		3 148	14 984

**Maklumat tambahan:**

- (i) Cek yang diterima daripada Kedai Muthu pada 28 April 2009 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".
- (ii) Cek yang dikeluarkan bernombor 566334 dikenalpasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.

**Anda dikehendaki :**

- (a) Mengemaskinikan Buku Tunai.
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2009.
- (c) Menyatakan tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan.

**Soalan 2**

Buku Tunai Perniagaan Bidadari Berhad menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Julai 2009.

Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank Perniagaan Bidadari pada bulan Julai 2009.

**Buku Tunai (ruangan bank sahaja)**

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	No.Cek	Butiran	RM
2009			2009			
Julai 2	Jualan	1 390	Julai 1		Baki b/b	3884
10	Komisen	410	3	81072	Kedai Wong	685
17	Hashim	2 451	8	81073	Foo	1336
19	Pinjaman	3 000	12	81074	Belian	2455
20	Zulaikha	620	16	81075	Perabot	820
25	Lim Mee King	1 171	18	81076	Kadar bayaran	2646
28	Jualan	1 830	24	81077	Hazirah	581
31	Baki h/b	4 388	27	81078	Enterprise	908
			29	81079	Syarikat Zuhila Insurans Kedai Silvaraj	1945
		<b>15260</b>				<b>15260</b>
			Ogos 1		Baki b/b	4388

**Penyata Bank (Bank Bumicekap Berhad)**

Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2009					
Julai 1	Baki b/b				3424(dt)
4	Simpanan			1390	2034(dt)
7	Cek	81072	685		2719(dt)
9	Cek	81070	460		3179(dt)
10	Arahan debit –KWSP		384		3563(dt)
12	Simpanan			410	3153(dt)
13	Cek	81073	1363		4516(dt)
15	Dividen Syarikat Khoo			355	4161(dt)
16	Cek	81074	2455		6616(dt)
18	Caj bank		25		6641(dt)
20	Cek	81075	820		7461(dt)
22	Simpanan			3000	4461(dt)
24	Simpanan			2451	2010(dt)
26	Cek	81076	2646		4656(dt)
28	Simpanan			1830	2826(dt)
31	Cek	81078	908		3734(dt)

**Maklumat tambahan:**

1. Cek bernombor 81073 dicatat dengan jumlah yang salah dalam buku tunai.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Mengemaskini Buku Tunai
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2009

**Soalan 3**

Buku tunai Perniagaan Ramadhan menunjukkan baki yang berbeza daripada baki Penyata Bank pada 30 April 2009

**BUKU TUNAI ( ruangan bank )**

2009		RM	2009		No Cek	RM
April 1	Baki b/b	7500	April 1	Ambilan	226201	585
10	Jualan	850	15	Sewa	226202	1000
14	Anita	200	18	Kedai Goh	226203	350
26	Selina	225	27	Kedai Shida	226204	420
28	Muthu	500	28	Sykt Gauri	226205	320
			30	Baki h/b		6780
		<b>4335</b>				<b>4335</b>

**Bank Wawasan Malaysia Berhad**

Syarikat Ramadhan  
10 B , Jalan Datin Halimah  
80350 Johor Bahru

No Akaun : 5094156371  
Tarikh : 28 April 2009

**PENYATA BANK**

Tarikh	Butiran	No Cek	Wang Keluar RM	Wang Masuk RM	Baki RM
<b>2009</b>					<b>RM</b>
April 1	Baki b/b				7580
1	Cek *	226200	80		7500
2	Cek	226201	585		6915
8	Buku cek		15		6900
17	Cek	226202	1000		5900
18	Deposit			850	6750
22	Cek	226203	350		6400
23	Dividen			220	6620
25	Deposit			200	6820
26	Caj Bank		10		6990
27	Insurans		220		6770
28	Cek	226204	402		6368

**Maklumat Tambahan :**

- i. Cek bernombor 226204 yang dikeluarkan kepada Kedai Shida dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam buku tunai.
- ii. Cek yang diterima pada 26 April 2009 dipulangkan oleh bank kerana tak laku.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- a) Buku Tunai kemaskini
- b) Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2009

**Soalan 4**

Berikut merupakan anggaran penerimaan dan pembayaran tunai Perniagaan Hamid bagi tiga bulan berakhir 30 September 2009.

- (i) Baki tunai pada 1 Julai 2009 ialah RM 5500.
- (ii) Jualan tunai bagi bulan Julai dan Ogos adalah sama, iaitu RM8800 tetapi dijangka meningkat kepada RM9500 pada bulan berikutnya.
- (iii) Belian tunai pada bulan Julai adalah sebanyak RM9000. Belian dilakukan dua bulan sekali dengan pengurangan sebanyak 25%.
- (iv) Jualan kredit pada bulan Ogos ialah RM7400. Penghutang akan membayar sebanyak 70% pada bulan September 2009.
- (v) Pinjaman bank sebanyak RM6000 akan diperolehi pada bulan Ogos 2009.
- (vi) Sewa bulanan sehingga September 2009 ialah RM1000. Mulai bulan September, perniagaan akan berpindah ke premis baru dengan harga RM135000. Pembayaran pendahuluan RM10000 dibayar pada bulan tersebut.
- (vii) 3 orang pekerja dibayar gaji RM800 sebulan dan 2 orang pekerja lagi telah diambil pada bulan September dengan gaji yang sama.

**Anda dikehendaki** menyediakan belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2009.

**Soalan 5**

Pada 1 Jun 2009, Perniagaan Apen Enterprise memulakan perniagaan dengan memasukkan RM 50000 ke dalam bank sebagai modal. Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi 3 bulan berakhir adalah seperti berikut :

- (i) Pada 4 Jun 2009 beliau membeliengkapan bernilai RM 40000. Beliau telah membayar RM 15000 secara tunai dan selebihnya dibayar RM500 secara ansuran pada bulan berikutnya.
- (ii) Beliau menyewa premis dengan sewa tahunan RM4800 mulai bulan Jun. Sebahagian premisnya disewakan kepada pekedai lain RM150 sebulan mulai Ogos.
- (iii) Belian untuk bulan Jun ialah RM15000 dan akan bertambah 30% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. Semua belian dibayar dengan cek.
- (iv) Pada Jun, anggaran jualan tunai ialah RM16000. Bagi bulan berikutnya, jualan ialah RM24000 sebulan dan jualan bulan Ogos meningkat 20% daripada bulan sebelumnya.
- (v) Gaji bulanan pembantu kedai ialah RM1300 dan dibayar pada akhir setiap bulan.
- (vi) Anggaran perbelanjaan lain seperti belanja am RM350, kadarnya RM560 dan pengangkutan RM200 dibayar pada setiap bulan.

Berdasarkan maklumat diatas, **anda dikehendaki** menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2009.

**TOPIK 9: PENGAJIAN****Soalan 1**

En. Amir Azlan bekerja sebagai pegawai kewangan dengan gaji bulanan RM 3000. Elaun bulanan RM 600. Potongan berjadual ialah RM 55. Caruman kepada PERKESO adalah 1.25% daripada majikan dan 0.5% daripada pekerja. Caruman kepada KWSP 12% majikan dan 9% pekerja.

Anda dikehendaki menghitung :

- i. Gaji kasar
- ii. Gaji bersih
- iii. Persatuan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) caruman majikan dan pekerja.

**Soalan 2**

En. Hamid bekerja sebagai seorang guru di sebuah kolej swasta dengan gaji bulanan RM 4000. Elaun bulanan yang diterima berjumlah RM 1000. Potongan berjadual ialah RM 70. Caruman kepada PERKESO adalah 1.5% daripada majikan dan 1% daripada pekerja. Caruman KWSP 11% majikan dan 10% pekerja.

Anda dikehendaki menghitung :

- i. Gaji kasar
- ii. Gaji bersih
- iii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

**Soalan 3**

Cik Nurizzati Amani bekerja sebagai seorang doktor yang telah berkhidmat di salah sebuah hospital di Kuala Lumpur selama 5 tahun. Beliau menerima gaji bulanan sebanyak RM 6000. Elaun bulanan yang diterima berjumlah RM 1500. Potongan berjadual ialah RM 200. Caruman kepada PERKESO adalah 3% daripada majikan dan 2% daripada pekerja. Caruman KWSP 12% majikan dan 11% pekerja.

Anda dikehendaki menghitung :

- i. Gaji kasar
- ii. Gaji bersih
- iii. Persatuan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) caruman majikan dan pekerja.

**Soalan 4**

Berikut adalah senarai pendapatan dan perbelanjaan En. Azlan selaku Pengurus Syarikat Miang Keladi Berhad.

	RM
Gaji Pokok	7 800
Elaun Makan	200
Elaun Dobi	100
Insurans Takaful	250
Elaun Perjalanan	300
Pinjaman Perumahan	1 000
Elaun Sara diri	300
Koperasi	1 200
Caruman KWSP 12% majikan 9% pekerja	
Caruman PERKESO 5% majikan 2% pekerja	

Anda dikehendaki menghitung :

- i. Gaji Kasar
- ii. Gaji Bersih

**Soalan 5**

Cik Ain Amani bertugas sebagai juruterbang Arab Saudi Airlines di Syarikat Penerbangan Arab Saudi. Beliau telah bertugas selama 5 tahun. Berikut adalah senarai pendapatan dan perbelanjaan Cik Ain Amani setiap bulan.

	RM
Elaun Makan	500
Elaun Pakaian	350
Elaun Dobi	400
Gaji Pokok	12 000
Elaun Seberang Laut	2 000
Pinjaman Bank	2 500
Insuran Penerbangan	1 000
Potongan Berjadual	800
Caruman PERKESO adalah 10 % majikan dan 4 % pekerja.	
Caruman KWSP ialah 12% majikan dan 9% pekerja.	

**Kirakan :**

- i. Gaji Kasar
- ii. Gaji Bersih
- iii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- iv. Persatuan Keselamatan Sosial Pekerja

**TOPIK 10 : PERKONGSIAN****Soalan 1**

Yusof dan Zainal adalah rakan kongsi dalam satu perkongsian Katering Bentara. Perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut :

Faedah atas ambilan setahun	10% setahun
Faedah atas modal setahun	8% setahun
Faedah atas pinjaman pekongsi setahun	8% setahun
Gaji Yusof	RM12 000 setahun
Pembahagian keuntungan antara Ilya dan Zira	2 : 3

Petikan dari Imbangan Duga Perkongsian tersebut pada 30 Jun 2009 adalah seperti berikut :

	<b>Dt.</b>	<b>Kt.</b>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Aset Bukan Semasa (Nilai Buku Bersih)	71 490	
Penghutang	7 500	
Bank	11 300	
Pinjaman dari pekongsi Yusof pada 1 Januari 2009		10 000
Untung bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2009		25 800

Akaun Modal pekongsi pada 1 Julai 2008 :

Yusof		28 000
Zainal		32 000

Akaun Semasa pekongsi pada 1 Julai 2008 :

Yusof	1 030	
Zainal		1 820

Ambilan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009 :

Yusof	1 Julai 2008	800
	1 Januari 2009	500
Zainal	1 Januari 2009	5 000

<u>97 620</u>	<u>97 620</u>
---------------	---------------

Rakan kongsi bersetuju untuk membuat pelarasan bagi perkara berikut :

- i. Faedah diterima terakru sebanyak RM500
- ii. Peruntukan hutang ragu 5% atas penghutang
- iii. Faedah atas pinjaman pekongsi dikreditkan ke akaun semasa pekongsi.
- iv. Gaji pekongsi telah dijelaskan sepenuhnya.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- a) Penyata Pelarasan Untung bersih pada 30 Jun 2009
- b) Penyata Pengasingan Untung-Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- c) Menyediakan akaun semasa setiap pekongsi dalam bentuk beruangan
- d) Apakah tujuan faedah atas ambilan dikenakan ke atas pekongsi?

**Soalan 2**

Amirul dan Airil adalah rakan kongsi dalam perkongsian Amril. Berikut adalah petikan Imbangan duga yang diambil daripada buku lebar pada 30 Jun 2009.

Imbangan duga pada 30 Jun 2009

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Modal : Amirul		12000
Airil		12000
Ambilan : Amirul	1500	
Airil	1000	
Gaji pejabat	3200	
Insurans	600	
Diskaun	250	350
Belanja Am	300	
Pinjaman : Amirul		5000
Akaun semasa : Amirul	1200	
Airil		2100
Gaji pekongsi : Amirul	1100	
Untung kasar		10800

Perjanjian Perkongsian mereka adalah seperti berikut :

- (i) Amirul akan menerima gaji pekongsi sebanyak RM 2000 setahun.
- (ii) Faedah atas modal ialah 10% setahun.
- (iii) Semua ambilan dikenakan faedah 8% setahun.
- (iv) Faedah atas pinjaman 5% setahun
- (v) Untung rugi dibahagi sama rata

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- a) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- b) Penyata Pengasingan Untung bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- c) Akaun Semasa Amirul dan Akaun Semasa Airil

**Soalan 3**

Aisyah dan Azril ialah pekongsi dalam Perkongsian Cepat Tepat yang beroperasi di Seremban.

Ikatan perkongsian menetapkan perkara berikut :

- (i) Aisyah dibayar gaji RM 880 sebulan
- (ii) Faedah atas modal ialah 6% setahun
- (iii) Semua ambilan dikenakan faedah 2% setahun
- (iv) Faedah atas pinjaman ialah 8% setahun
- (v) Untung rugi dibahagikan antara Aisyah dan Azril 3:2

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan pada 30 Jun 2009.

	Debit	Kredit
Modal pada 1 Julai 2008		
Aisyah		30000
Azril		20000
Akaun Semasa pada 1 Julai 2008		
Aisyah		520
Azril		395
Ambilan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009		
Azril - 1 Julai 2008	1500	
31 Mac 2009	800	
	2300	
Gaji Aisyah	7920	
Pinjaman daripada Aisyah (*matang pada 31 Disember 2009)		9000
Faedah atas pinjaman	480	
Untung kasar bagi tahun berakhir 30 Jun 2009		24376
Penghutang	9210	
Pemiutang		4486
Stok alatulis pada 1 Julai 2008	130	
Stok alatulis pada 30 Jun 2009	175	
Belian alatulis	280	
Bank		2050
Komisen		750
Kenderaan (Kos)	60000	
Peruntukan susutnilai kenderaan		11400
Stok pada 30 Jun 2009	14197	
Kadarmayaran	1560	
Sewa	6900	

Maklumat tambahan :

- (i) Pada 1 Januari 2009, Aisyah membawa masukengkapan peribadi bernilai RM2500 ke dalam perniagaan.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iii) Stok pada 31 Disember 2009 RM 4450

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- a) Penyata Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- b) Akaun Semasa pekongsi ( beruangan)
- c) Kunci kira-kira pada 30 Jun 2009 ( tunjukkan modal kerja )

**Soalan 4**

Lila dan Odah ialah pemilik Perkongsian Harmoni yang berkongsi untung atau rugi perniagaan dengan nisbah 2: 3.

Pada 31 Disember 2009, mereka bersetuju membubarkan perkongsian kerana Lila ingin berpindah ke luar negara. Berikut adalah kedudukan kewangan Perkongsian Harmoni pada tarikh tersebut:

	RM
Kenderaan	25 000
Perabot	7 850
Penghutang	3 350
Stok	1 500
Bank	5 100
Modal Lila	12 000
Modal Odah	18 000
Akaun Semasa : Lila	3 500
: Odah	4 000
Pemiutang	5 250

**Butir-butir pembubaran adalah seperti berikut:**

- (i) Perabot dan stok dijual dengan harga RM 7750
- (ii) Odah mengambil alih kenderaan dengan nilai RM 21000
- (iii) Sejumlah RM 3000 berjaya dikutip daripada penghutang dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Belanja realisasi berjumlah RM750
- (v) Pemiutang bersetuju memberi diskaun RM350.
- (vi) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Catatan Jurnal Am untuk penutupan aset
- b) Akaun Realisasi
- c) Akaun Modal
- d) Akaun Bank

**Soalan 5**

Citra dan Dila ialah pekongsi-pekongsi sama dalam satu perniagaan perkongsian. Kunci Kira-kira Firma mereka pada 31 Dis 2009 adalah seperti berikut:

Kunci Kira-kira pada 31 Dis 2009			
	RM		RM
Kenderaan	18000	Modal Citra	20000
Lengkapan	7200	Modal Dila	15000
Stok	2580	Pemiutang	6400
Penghutang	14650	Pinjaman	10000
Bank	8970		
	51400		51400

Pada tarikh tersebut, mereka telah bersetuju membubarkan perkongsian mengikut syarat berikut:

- (i) Kenderaan diambil alih oleh Citra mengikut nilai buku.
- (ii) Lengkapan diambil alih oleh Dila mengikut nilai buku.
- (iii) Stok telah dijual dengan harga RM 2350
- (iv) RM 14200 telah dibayar oleh penghutang.
- (v) Belanja realisasi RM 550
- (vi) Pinjaman di jelaskan manakala pemiutang dibayar kurang diskaun RM 450.
- (vii) Mereka membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah modal.

Semua wang diterima dibankkan dan semua bayaran ialah dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Citra dan Dila (beruangan)
- (c) Akaun Bank
- (d) Berikan satu sebab kenapa pembubaran perkongsian berlaku.

## TOPIK 11 : SYARIKAT BERHAD

### **SOALAN 1**

Pada 1 Januari 2009, Syarikat Inovasi Berhad didaftarkan dengan modal berdaftar yang terdiri daripada 600 000 unit 10% saham keutamaan bernilai RM2 sesaham dan 800 000 unit saham biasa bernilai RM1 sesaham.

Pada 1 Julai 2009, syarikat telah menerbitkan 400 000 unit 10% saham keutamaan dan 500 000 unit saham biasa pada nilai tara. Semua saham telah dilanggan oleh orang ramai dan dibayar penuh pada 30 Julai 2009

Pada 31 Disember 2009 lembaga pengarah syarikat mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang saham keutamaan sahaja.

**Anda dikehendaki :**

- (a) Hitung modal diterbitkan.
- (b) Rekod terbitan saham di atas dalam akaun-akaun berikut :
  - ( i ) Akaun Permohonan Saham Biasa dan Akaun Modal Saham Biasa
  - ( ii ) Akaun Permohonan Saham Keutamaan dan Akaun Modal Saham Keutamaan
  - ( iii ) Akaun Bank
- (c ) Hitung dividen saham keutamaan

### **SOALAN 2**

Syarikat Impak Maksima Berhad telah ditubuhkan pada 1 Januari 2009 dengan modal berdaftar terdiri daripada 4 000 000 unit Saham Biasa RM1.00 sesaham dan 400 000 unit 5% Saham Keutamaan RM2.00 sesaham.

2 500 000 unit saham dan semua Saham Keutamaan telah ditawarkan untuk langganan pada nilai tara. Semua saham yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, syarikat mengisytiharkan pembayaran dividen 3% kepada pemegang Saham Biasa.

**Anda dikehendaki :**

- (a) Hitung :
  - ( i ) Modal Dibenarkan
  - ( ii ) Modal Berbayar
  - ( iii ) Jumlah dividen
- (b) Bezakan Saham Biasa dan Saham Keutamaan

**SOALAN 3**

Minangkabau Berhad mempunyai modal dibenarkan yang terdiri daripada 40 000 6% saham keutamaan RM1 sesaham dan 100 000 saham biasa RM1 sesaham. Modal diterbitkan sebanyak RM80 000 terdiri daripada 30 000 6% saham keutamaan RM1 sesaham dan 50 000 saham biasa RM1 sesaham telah dilanggan dan dibayar penuh.

Syarikat telah memutuskan untuk memberikan dividen interim saham biasa sebanyak 6% dan bayaran dibuat sebelum tahun kewangan berakhir. Pada 30 September 2009, untung bersih perniagaan ialah sebanyak RM24 000.

Lembaga pengarah syarikat mengumumkan perkara berikut :

- ( i ) Bayaran dividen akhir atas saham keutamaan.
- ( ii ) Bayaran dividen akhir 9% kepada pemegang saham biasa.

**Anda dikehendaki :**

- ( a ) Mengira pada 30 September 2009
  - ( i ) dividen akhir saham keutamaan
  - ( ii ) dividen akhir saham biasa
  - ( iii ) jumlah dividen saham biasa
- ( b ) Menyediakan Kunci Kira-kira pada 30 September 2009 dengan menunjukkan bahagian ekuiti pemilik

**SOALAN 4**

Syarikat Meriah Jaya Berhad telah didaftarkan dengan modal berjumlah RM10 000 000 yang terdiri daripada 16 000 000 unit saham biasa pada harga RM0.50 seunit dan 1 000 000 unit 8% saham keutamaan pada harga RM2 seunit. Pada 15 Januari 2009, syarikat telah menerbitkan 5 000 000 unit saham biasa dan 500 000 unit 8% saham keutamaan pada nilai tara. Semua saham yang telah diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Januari 2009.

Syarikat telah mengisytiharkan keuntungan bagi tempoh kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009 sebanyak RM80 000.

Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan perkara berikut:

- (i) membayar dividen interim 5% saham biasa dan saham keutamaan pada 31 Januari 2009
- (ii) dividen akhir 6% bagi akhir tahun 31 Disember 2009

**Anda dikehendaki :**

- (a) menghitung
  - (i) modal dibenarkan
  - (ii) modal diterbitkan
  - (iii) dividen interim
  - (iv) dividen akhir
- (b) menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009.
- (c) Nyatakan 2 perbezaan antara saham keutamaan dan saham biasa

**SOALAN 5**

Syarikat Kira Duit Berhad ditubuhkan pada 1 Januari 2009 dengan modal yang terdiri daripada 300 000 6% saham keutamaan RM3.00 sesaham dan 1 500 000 saham biasa RM1.00 sesaham. Sejumlah 200 000 saham keutamaan dan 1 000 000 saham biasa telah diterbitkan kepada orang ramai. Kesemua saham-saham telah dibeli dan dibayar penuh.

Pada 31 Disember 2009 Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dan membayar dividen saham keutamaan dan 10% saham biasa kepada semua pemegang saham.

**Anda dikehendaki:**

- (a) menghitung:
- (i) modal dibenarkan
  - (ii) modal diterbitkan
  - (iii) modal berbayar
  - (iv) dividen saham biasa dan saham keutamaan.
- (b) merekod terbitan saham dalam akaun-akaun berikut :
- (i) Akaun Permohonan Saham Biasa dan Akaun Modal Saham Biasa.
  - (ii) Akaun Permohonan Saham Keutamaan dan Akaun Modal Saham Keutamaan.
  - (iii) Akaun Bank

**TOPIK 12 : KELAB DAN PERSATUAN****Soalan 1**

Berikut merupakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Bersatu bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran**

	RM		RM
Baki b/b	6800	Sewa	4200
Yuran	27900	Belian Minuman	3410
Yuran masuk	7400	Belanja Dobi	330
Derma	5600	Alatan Sukan	2900
Jualan minuman	6660	Belanja Pos	190
		Gaji	3600
		Alat tulis	420
		Baki h/b	39 310
	<u>54360</u>		<u>54 360</u>

**Maklumat Tambahan:**

	1-Jul-08	30 Jun 2009
	RM	RM
Yuran terakru	180	370
Yuran terdahulu	140	220
Alatan sukan	4600	6480
Stok alat tulis	60	80
Sewa terakru	210	440
Rumah Kelab	34000	34000

Keuntungan daripada jualan minuman digunakan untuk mengubahsuai Rumah Kelab.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- (b) Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2009

**Soalan 2**

Yang berikut merupakan ringkasan Buku Tunai Kelab Tennis Bangsar bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

<b>Penerimaan</b>	RM	<b>Pembayaran</b>	RM
Jualan minuman	825	Belian minuman	534
Yuran	9580	Majlis tarian	1840
Sewa loker	530	Komputer	2220
Yuran pertandingan	820	Bola tenis	2360
Jualan bola tenis lama	310	Kadarnyaan	340
Majlis tarian	2380	Elaun	2120
		Belanja am	260
		Hadiah pertandingan	330

**Maklumat Tambahan:**

- i. Kelab mempunyai seramai 350 ahli yang membayar yuran tahunan sebanyak RM30 seorang.
- ii. Kadar bayaran belum dibayar adalah RM34.
- iii. Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- iv. Belanja mencetak tiket untuk majlis tarian terakru RM281.

Pada 1 Januari 2009, Kelab mempunyai baki-baki berikut:

	RM
Tunai	890
Alatan pejabat	2500
Bangunan dan gelanggang	25000
Kadar bayaran terdahulu	45

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- (b) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2008.

**Soalan 3**

Pengerusi Kelab Sukan Relawan memberikan anda maklumat yang berikut.

Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2009:

	RM		RM
Tunai di bank	3 240	Yuran terdahulu	180
Bangunan	20 000	Pemiutang	350
Alatan sukan	3 200	Belanja am terakru	60

Penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut.

<b>Penerimaan</b>		<b>Pembayaran</b>	
	RM		RM
Yuran	2 130	Belanja membaiki bangunan	550
Yuran masuk	600	Belian minuman	440
Jualan minuman	980	Alatan sukan	510
Derma	1000	Pemiutang	350
Kutipan pertunjukan pancaragam	7600	Kos pertunjukan pancaragam	3100
Jualan alatan sukan	340	Belanja am	240

**Maklumat Tambahan:**

- i. Kelab mempunyai seramai 60 orang ahli dengan yuran tahunan sebanyak RM35 seorang
- ii. Alatan sukan lama disusut nilai sebanyak 10% setahun.
- iii. Belanja am terakru pada 31 Disember 2009 ialah RM145.
- iv. Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai penerimaan modal.
- v. Keuntungan dari pertunjukkan pancaragam akan digunakan untuk membina gelanggang badminton.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran;
- (b) Akaun Penerimaan dan Pembayaran;
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
- (d) Penyata mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2009.
- (e) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009.

**Soalan 4**

Butir-butir berikut diperolehi daripada buku Kelab Belia Larkin Jaya pada 31 Disember 2009.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	RM		RM
Baki tahun lepas b/b	3650	Lengkapan	850
Yuran tahun 2008	100	Gaji	6100
Yuran tahun 2009	10060	Alat tulis	300
Yuran tahun 2010	250	Kadar bayaran	820
Penghutang minuman	6200	Belanja pos	280
Sewa laci	700	Pemiutang minuman	3500
		Belanja am	660

**Maklumat tambahan:**

Butir-butir berikut diberi oleh Bendahari kelab tersebut:

	1 Januari 2009		31 Disember 2009
	RM		RM
Bangunan kelab	50000		45000
Yuran tertunggak	100		140
Stok minuman	760		860
Penghutang minuman	2540		2820
Pemiutang minuman	890		960
Lengkapan	2650		3150
Kadar bayaran terakru		-	60
Stok alat tulis			70

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Yuran
- b) Akaun Minuman
- c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- d) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009

**Soalan 5**

Kelab Rumah Bahagia telah ditubuhkan pada tahun 2009 di Bandar Melaka. Kedudukan kewangan Kelab pada 1 Januari 2009 adalah seperti berikut :

	RM
Perabot	10 530
Rumah Kelab	90 000
Tunai di bank	3 280
Yuran ahli tertunggak	425

Penerimaan dan Pembayaran kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah seperti berikut :

**Penerimaan**

	6 520
Yuran ahli	7 500
Yuran Pendaftaran	1 000
Sewa kolam renang	5 000
Bayaran Pertandingan	

**Pembayaran :**

Perabot	2 000
Kebajikan ahli	2 400
Gaji dan Imbuhan	8 300
Hadiah Pertandingan	2 000
Penyelenggaraan kolam renang	700

Maklumat tambahan :

- (i) Yuran pendaftaran dianggap sebagai pendapatann modal.
- (ii) Perabot pada 31 Disember 2009 dinilai sebanyak RM 11 277
- (iii) Pada 31 Disember 2009. didapati yuran ahli berjumlah RM 536 telah diterima untuk tahun 2009.

**Anda dikehendaki :**

- a) Sediakan Akaun Yuran ahli
- b) Akaun Pendapatan dan Pebelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- c) Jelaskan Perkara berikut :
  - (i) Pendapatan Modal
  - (ii) Perbelanjaan Modal

## TOPIK 13: REKOD TAK LENGKAP

### Soalan 1

Encik Yusuf seorang peruncit memberikan maklumat perniagaannya kepada anda bagi tempoh berakhir 30 Jun 2009.

Berikut adalah maklumat yang diperoleh pada 1 Julai 2008.

	RM
Bangunan	100 000
Stok Awal	2 400
Penghutang	17 520
Pemiutang	18 860
Gaji terakru	1 040

Ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 30 Jun 2009 adalah seperti berikut :

Buku Tunai			
	RM		RM
Baki b/b	43 000	Pemiutang	15 000
Jualan	16 000	Belian	17 800
Penghutang	16 000	Sewa	2 900
Komisen diterima	1 140	Belanja am	1 800
Faedahbank	1 720	Insurans	1 740
		Gaji	5 000

#### **Maklumat tambahan :**

- (i) Stok akhir dinilai sebanyak RM10 840.
- (ii) Pulangan keluar RM360 dan pulangan masuk RM240.
- (iii) Hutang lapuk pada tahun itu sebanyak RM640.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan sebanyak 10% atas penghutang.
- (v) Baki akhir penghutang adalah sebanyak RM15 780 dan baki akhir pemiutang adalah RM17 760.

#### **Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Penyata mengira modal awal
- (b) Akaun Kawalan Penghutang dan jumlah jualan
- (c) Akaun Kawalan Pemiutang dan jumlah belian
- (d) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- (e) Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2009 (dengan menunjukkan modal kerja )

**Soalan 2**

Puan Saidah ialah seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod-rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah ringkasan Buku Tunai dan maklumat yang diperolehi daripada Perniagaan Saidah bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2009.

**Buku Tunai**

<b>Butir Bank</b>	<b>Dis</b>	<b>Tunai</b>	<b>Butir</b>	<b>Tunai</b>	<b>Bank</b>
<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>		<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki 1 Januari 2009	760	-	Baki 1 Januari 2009	-	2 500
Jualan	1 700	5 800	Gaji	1 000	11 000
Penghutang	180	41 700	Kadar bayaran	200	1 000
			Belian	2 200	10 800
			Sewa	-	460
			Lengkapan	-	4 600
			Baki 31 Disember 2009	2 910	17 140

Berikut ialah aset dan liabiliti bagi Perniagaan Saidah :

	<b>1 Januari 2009</b>	<b>31 Disember 2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kenderaan	30 000	30 000
Lengkapan	5 400	8 000
Penghutang	6 750	7 600
Sewa Terakru	-	140
Stok	11 500	12 800

**Maklumat tambahan :**

- (i) Seorang pelanggan telah memulangkan barangan rosak yang berkos RM320.
- (ii) Mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas baki penghutang.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Penyata Pendapatan Perniagaan Saidah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
- (b) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009 dengan menunjukkan modal kerja.

**Soalan 3**

Puan Nor Suhaila ialah pemilik Perniagaan Nur. Beliau tidak menyimpan akaun yang lengkap bagi perniagaannya.

Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Nur:

	<b>1 Oktober 2008</b>	<b>30 September 2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Stok	3 430	3 765
Van ( dibeli pada 1 Oktober 2008)	8 400	8 400
Bank	2 105	?
Penghutang	2 535	3 955
Pemiutang	3 120	4 640
Lengkapan	-	2 150
Modal	13 350	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 September 2009 adalah seperti berikut :

<b>Penerimaan</b>		<b>Pembayaran</b>	
	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Baki b/b	2 105	Belanja am	430
Pinjaman bank	5 000	Angkutan masuk	875
Penghutang	6 535	Pemiutang	5 140
Jualan	21 470	Sewa	1 800
Komisen	985	Gaji	2 200
		Insurans	240
		Ambilan	1 250
		Belian	13 000
		Kadar bayaran	350
		Lengkapan	2 150

**Maklumat tambahan :**

- (i) Gaji bulan September 2009 masih belum dijelaskan RM200.
- (ii) Insurans terdahulu RM30.
- (iii) Pulangan jualan RM210 terlupa catat dalam buku.
- (iv) Van disusut nilaikan 10% setahun atas kos.
- (v) Pemilik telah mengambil barang niaga RM1 440 dan perkara ini belum direkodkan.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Kawalan Penghutang
- (b) Akaun Kawalan Pemiutang
- (c) Pengiraan untuk mencari baki akaun bank pada 30 September 2009
- (d) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 2009
- (e) Kunci Kira-Kira pada 30 September 2009 dengan menunjukkan modal kerja.

**Soalan 4**

Encik Dawam merupakan seorang peniaga yang tidak menyimpan bukunya mengikut sistem catatan bergu.

Berikut ialah aset dan liabiliti perniagaannya pada 1 Julai 2008.

	<b>RM</b>
Premis	40 000
Kenderaan (harga kos RM20 000)	11 000
Stok	15 300
Penghutang	6 500
Pemiutang	3 500
Tunai di bank	10 200
Insurans terdahulu	200

Berikut ialah ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 30 Jun 2009:

<b>Buku Tunai (ruangan bank)</b>					
<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>RM</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>RM</b>
2008			2009		
Jul 1	Baki b/b	10	Jun 30	Insurans	1
2009		200		Gaji	200
Jun 30	Jualan			Kadar bayaran	12
	Penghutang	17		Pemiutang	000
	Komisen	840		Baki h/b	
		26			800
		000			14
		450			000
		54			26
		490			490
		54			54
		490			490

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2009 yang didapati daripada dokumen-dokumen asal adalah seperti berikut :

- (i) Perkara-perkara berikut telah dibayar melalui kutipan jualan tunai sebelum wang dibankkan.

	<b>RM</b>
Belian tunai	2 500
Kadar bayaran	1 200

- (ii) Encik Dawam telah mengambil barang niaga RM1 200 untuk kegunaan sendiri.  
 (iii) Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun atas kos.  
 (iv) Stok pada 30 Jun 2009 dinilaikan pada RM12 356.  
 (v) Encik Dawam telah memberikan diskaun RM180 kepada penghutang.  
 (vi) Barang niaga berkos RM600 telah dipulangkan kepada pemiutang.  
 (vii) Baki penghutang RM7 268 dan baki pemiutang RM2 700.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Penyata mengira jualan kredit  
 (b) Penyata mengira belian kredit  
 (c) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009  
 (d) Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2009

**Soalan 5**

Zaki adalah pemilik perniagaan Bengkel Car Zone. Beliau menyimpan rekod perniagaan tidak mengikut sistem catatan bergu.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan :

	<b>1 Januari 2009</b>	<b>31 Disember 2009</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kenderaan	80 000	80 000
Stok alat-alat kecil	24 000	28 200
Kadar bayaran terakru	-	560
Penghutang	13 200	18 640
Stok	16 920	10 260
Bank	18 000	?

  

	<b>Buku</b>	<b>Tunai</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki b/b	18 000	Kadar bayaran 1 900
Penghutang	90 360	Alat-alat kecil 7 000
Komisen diterima	1 140	Insurans 2 880
		Penghutang ( Cek Tak Laku) 640
		Belian 63 800

**Maklumat tambahan:**

- (i) Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula 1 Mac 2009.
- (iii) Pelanggan telah memulangkan barang kerana tidak mengikut spesifikasi, berkos RM3 200. Perkara ini telah direkod dalam buku perniagaan.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Kawalan Penghutang
- (b) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- (c) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2009

## TOPIK 14: PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN PENGURUSAN

### **Soalan 1**

Berikut ialah maklumat yang dipetik dari Kilang Avillion Legacy, sebuah kilang pakaian, bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

	RM
Stok pada 1 Jan 2009	
Bahan mentah	26 500
Kerja dalam proses	7 500
Barang siap	3 340
Alat kecil	2 450
Stok pada 31 Dis 2009	
Bahan mentah	19 500
Kerja dalam proses	9 300
Barang siap	2 500
Alat kecil	2 870
Belian bahan mentah	42 500
Pulangan keluar	1 520
Angkutan masuk	450
Jualan barang siap	70 800
Upah buruh kilang	9 600
Gaji kerani dan jurutera kilang	17 400
Insurans	2 480
Sewa kilang	12 330
Belanja am kilang	850
Kadar bayaran	300
Mesin	58 000
Alatan pejabat	15 000

### **Maklumat tambahan:**

- i) Sewa kilang yang masih belum dibayar ialah RM 400
- ii) Kadar bayaran dibahagikan antara kilang dengan pejabat mengikut nisbah 4 :1
- iii) Satu perempat daripada insurans adalah untuk pejabat dan bakinya untuk kilang
- iv) Semua aset bukan semasa hendaklah disusutnilaikan 15% setahun atas kos

### **Anda dikehendaki menyediakan**

Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

**Soalan 2**

Syarikat Chui Mien merupakan sebuah kilang pengeluaran kasut. Butir-butir berikut diambil daripada buku-bukunya pada 31 Julai 2009.

	<b>1 Ogos 2008</b> RM	<b>31 Julai 2009</b> RM
Stok bahan mentah	6 700	8 440
Kerja dalam proses:		
Bahan mentah	3 500	4 300
Buruh langsung	2 700	3 120
Overhed	3 590	3 780
Belian bahan mentah		11 250
Duti import bahan mentah		1 100
Upah kilang		9 900
Belanja langsung		1 200
Angkutan keluar		1 230
Mesin		55 780
Alatan pejabat		15 300
Peruntukan susut nilai mesin		5 900
Peruntukan susut nilai alatan pejabat		1 400
Air dan elektrik		2 490
Sewa		8 800

**Maklumat tambahan:**

- a) Sewa dibahagi di antara kilang dan pejabat dengan nisbah 3:2
- b) 30% daripada air dan elektrik digunakan oleh pejabat dan bakinya oleh kilang
- c) Mesin disusutnilaikan sebanyak 10% mengikut kaedah baki berkurangan, manakala alatan pejabat disusutnilai sebanyak 15% dengan kaedah garis lurus
- d) Upah kilang termasuk upah tak langsung sebanyak RM 4 400

**Anda dikehendaki menyediakan:**

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2009

**Soalan 3**

Butir-butir berikut dipetik daripada Norlila Sdn Bhd yang mengeluarkan ais krim pada 30 September 2009.

	RM
Stok bahan mentah pada 1 Oktober 2008:	
Manisan dan perasa	3 750
Gula dan pengawet	4 480
Kotak plastik	5 670
Belian :	
Manisan dan perasa	15 550
Gula dan pengawet	11 380
Kotak plastik	17 300
Angkutan masuk	1 800
Upah kendalian bahan mentah	3 500
Upah pekerja kilang	7 890
Gaji tak langsung	12 300
Sewa kilang	24 000
Belanja am	8 710
Mesin	27 900
Air dan elektrik	5 700

**Maklumat tambahan:**

- i) Stok bahan mentah pada 30 September 2009:
 

Manisan dan perasa	4 100
Gula dan pengawet	5 200
Kotak plastik	7 810
- ii) Sewa kilang terdahulu bayar ialah RM 500
- iii) Mesin disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun
- iv) Dua perlima daripada belanja am adalah untuk pejabat dan bakinya untuk kilang

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2009.

**Soalan 4**

Syarikat Azdalila Sdn Bhd ialah pengeluar beg dan berikut ialah butir yang diberi olehnya untuk tahun 2008 dan 2009.

Tahun	Unit keluaran	Jumlah Jualan (RM)	Jumlah kos (RM)
2008	12 000	240 000	174 000
2009	13 500	270 000	192 000

Diandaikan kos tetap, kos berubah dan harga jualan adalah malar bagi dua tahun tersebut.

**a) Anda dikehendaki mengira:**

- i) Kos berubah seunit
- ii) Kos tetap
- iii) Harga jualan seunit
- iv) Titik pulang modal
- v) Unit pengeluaran jika syarikat tersebut ingin mendapatkan keuntungan RM 20 000 pada tahun 2009.

b) Jika syarikat tersebut merancang memodenkan kilangnya dengan menambahkan kos tetapnya sebanyak 20% dan mengurangkan kos berubah seunitnya sebanyak RM 2.00,

- i) Kirakan titik pulang modal yang baru
- ii) Adakah syarikat tersebut perlu mengekalkan operasi semasanya atau memodenkan operasinya? Berikan sebab untuk jawapan anda.

**Soalan 5**

Butir-butir berikut diperoleh daripada Syarikat Abdul Hamid yang mengeluarkan sarung tangan.

	RM
Sewa kilang	3 000
Insurans kilang	2 550
Susut nilai mesin	3 780
Upah tak langsung	1 720
Upah langsung	3 200
Kos bahan mentah	8 800
Jumlah jualan ( 8 000 unit)	80 000

**Anda dikehendaki:**

- a) Menghitung
- i) Kos berubah seunit
  - ii) Margin caruman seunit
  - iii) Titik pulang modal dalam unit dan ringgi
  - iv) Kuantiti sarung tangan yang perlu dijual jika syarikat ingin memperoleh keuntungan sebanyak RM 10 200.
  - v) Jika kos tetap meningkat sebanyak RM 3 030, manakala kos berubah menurun sebanyak 20%, cari titik pulang modal baru.
- b) Nyatakan 2 kegunaan titik pulang modal.

## TOPIK 15: MAKLUMAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

### Soalan 1

Berikut merupakan penyata kewangan Syarikat Siti Saudah bagi tahun 2008 dan 2009:

#### Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember ....

	2008 RM	2009 RM
Jualan	42 000	61 000
Tolak Kos Jualan	<u>28 000</u>	<u>44 500</u>
Untung kasar	14 000	16 500
Tolak belanja	<u>8 000</u>	<u>9 000</u>
Untung bersih	<u>6 000</u>	<u>7 500</u>

#### Kunci Kira-kira pada 31 Disember ....

	2008 RM	2009 RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>	<u>30 000</u>	<u>35 000</u>
<b>Aset Semasa</b>		
Stok akhir	3 700	6 000
Penghutang	1 400	1 800
Bank	<u>5 000</u>	<u>2 500</u>
	10 100	10 300
<b>Tolak Liabiliti Semasa</b>		
Pemiutang	9 000	7 000
Modal kerja	<u>1 100</u>	<u>3 300</u>
<b>Ekuiti Pemilik</b>	<u>31 100</u>	<u>38 300</u>
Modal 1 Jan 2009	25 100	30 800
Untung bersih	<u>6 000</u>	<u>7 500</u>
	<u>31 100</u>	<u>38 300</u>

- a) **Anda dikehendaki mengira** nisbah berikut pada tahun 2008 dan 2009:
- i) Tokokan
  - ii) Margin
  - iii) Nisbah semasa
  - iv) Pulangan atas modal
- b)
- i) Tahun yang manakah menunjukkan prestasi yang lebih baik ? Berikan sebab.
  - ii) Tahun yang manakah lebih berkemampuan untuk menjelaskan hutang semasa? Berikan sebab.
  - iii) Mengapakah pulangan atas modal penting bagi pelabur?

**Soalan 2**

Syarikat Yusof dan Syarikat Kusiani merupakan dua buah syarikat yang menjual suratkhabar.

Penyata kewangan kedua-dua syarikat tersebut pada tahun 2009 adalah seperti berikut:

**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009**

	<b>Syarikat Yusof</b>	<b>Syarikat Kusiani</b>
	RM	RM
Jualan Bersih	89 600	42 500
Stok Awal	5 000	1 200
Belian Bersih	70 000	29 500
Angkutan masuk	<u>300</u>	<u>500</u>
	164 900	73 700
-- Stok akhir	<u>5 700</u>	<u>2 200</u>
Untung kasar	14 300	11 500
Tolak belanja	<u>8 000</u>	<u>6 800</u>
Untung bersih	6 300	4 700

**Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009**

	<b>Syarikat Yusof</b>	<b>Syarikat Kusiani</b>
	RM	RM
Alatan pejabat	29 000	16 000
Stok akhir	5 700	2 200
Penghutang	<u>12 600</u>	<u>8 500</u>
	<u>47 300</u>	<u>26 700</u>
Modal awal	40 000	20 000
+ untung bersih	<u>6 300</u>	4 700
Overdraif bank	<u>1 000</u>	<u>2 000</u>
	<u>47 300</u>	<u>26 700</u>

a) Anda dikehendaki mengira:

- i) Tokokan
- ii) Margin
- iii) Pulangan atas modal
- iv) Nisbah semasa
- v) Pelaburan dalam syarikat manakah yang lebih baik? Mengapa?

**Soalan 3**

Maklumat berikut diperolehi daripada dua buah syarikat berhad yang menjalankan perniagaan susu tepung pada 31 Disember 2009.

<b>Syarikat Susu Baba Berhad</b>	
	RM
Modal 1 Jan 2009	40 000
Stok 1 Jan 2009	5 700
Stok 31 Disember 2009	5 300
Untung kasar	14 250
Penghutang	3 400
Bank	2 900
Kelengkapan dan alatan pejabat	9 000
Mesin	20 000
Pemiutang	1 000
Pelbagai belanja	8 000
<b>Tokokan 25%</b>	

<b>Syarikat Susu Segar Berhad</b>
Kadar pulangan atas modal – 20%

a) Anda dikehendaki menghitung perkara berikut bagi Syarikat Susu Baba Berhad:

- i) Margin
- ii) Peratus untung bersih atas jualan
- iii) Kadar pusing ganti stok
- iv) Modal kerja
- v) Pulangan atas modal

b) Jika anda ingin membeli saham, mana satu syarikat yang akan anda laburkan? Mengapa?

**Soalan 4**

Maklumat Perniagaan Federal bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2009 adalah seperti berikut:

	RM
Jualan	74 200
Pulangan jualan	2 700
Belian	45 800
Angkutan masuk	1 500
Stok 1 Mei 2008	5 990
Stok pada 30 April 2009	4 400
Pelbagai belanja	4 000
Lain-lain hasil	450
Sewa dibayar terdahulu	650
Kadar bayaran terakru	300
Kelengkapan	5 300
Modal awal	65 000

**Hitungkan :**

- i) Kos jualan
- ii) Untung kasar
- iii) Tokokan
- iv) Kadar pusing ganti stok
- v) Pulangan atas modal

**Soalan 5**

Berikut ialah maklumat sebuah syarikat pada 31 Disember 2009.

	RM
Kenderaan	50 900
Stok pada 1 Jan 2009	3 570
Untung kasar	40 500
Penghutang	4 998
Kadar bayaran terakru	567
Pinjaman bank	10 000
Stok pada 31 Disember 2009	?
Tunai di bank	50 530

**Maklumat tambahan:**

Tokokan ialah 25% dan kadar pusing ganti stok ialah 30 kali.

**Anda dikehendaki menghitung:**

- i) Kos jualan
- ii) Margin
- iii) Stok akhir
- iv) Modal kerja

# M-TEK

MODUL PEMBELAJARAN TEKNIKAL

## SKEMA JAWAPAN

PENGURUSAN AKADEMIK  
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

## TOPIK 2: SKEMA PERSAMAAN PERAKAUNAN

### Soalan 1

**Nurul Ain Enterprise**  
**Kunci kira-kira pada 31 Ogos 2009**

Alatan pejabat	3150	Modal	25000
Stok	13725	(+) Untung bersih	3100
Penghutang	11125		
Bank	7500	Pemiutang	7400
	35500		35500
	35500		35500

### Soalan 2

**Nurul Ain Enterprise**  
**Kunci kira-kira pada 30 Jun 2009**

<b>Aset Bukan Semasa</b>		<b>Ekuiti Pemilik</b>	
Kenderaan	25000	Modal	35000
Perabot	6450	(+) Untung bersih	176
Alatan pejabat	3500		
		<b>Liabiliti bukan semasa</b>	
<b>Aset semasa</b>		Pinjaman	3500
Tunai	560		
Penghutang	2590	<b>Liabiliti semasa</b>	
Stok Akhir	3776	Pemiutang	2570
Bank	4550	Overdraf bank	5180
	46426		46426
	46426		46426

### Soalan 3

**Perniagaan Fataniah**  
**Kunci kira-kira pada 31 Julai 2009**

<b>Aset bukan Semasa</b>		<b>Ekuiti Pemilik</b>	
Perabot	1340	Modal	4910
Alatan pejabat	3620	(+) Untung bersih	2485
		Modal Akhir	7395
<b>Aset Semasa</b>		<b>Liabiliti semasa</b>	
Stok	1805	Pemiutang	2380
Bank	200		
Penghutang	2580	<b>Liabititi Bukan Semasa</b>	
Tunai	3850	Pinjaman	3620
	13395		13395
	13395		13395

**Soalan 4****Kunci kira-kira pada 31 Januari 2009**

Bangunan	( -400)	20000	Modal	( +5000)	30000
Alatan pejabat		1720	Untung bersih	(-65-400-167+26)	3810
Kenderaan	( +8500)	9000	Pemiutang		2650
Stok	(-420 -734)	3670	Pinjaman	(+10000)	
Penghutang	(-1300 -167)	3340	Ambilan	( +420)	
Tunai		2410			
Bank	(+1500+1235+5000+760)	-3680			

**Pusat Salun Alina****Kunci kira-kira pada 31 Januari 2009**

<b>Aset bukan Semasa</b>			<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Bangunan		19600	Modal		35000
Kenderaan		17500	(+) Untung bersih		3204
Alatan pejabat		1720			38204
			(-) Ambilan		420
<b>Aset Semasa</b>			Modal akhir		37784
Penghutang		1873			
Stok		2516	<b>Liabiliti bukan semasa</b>		
Bank		4815	Pinjaman		10000
Tunai		2410			
			<b>Liabiliti semasa</b>		
			Pemiutang		2650
		<u>50434</u>			<u>50434</u>

**Soalan 5****Dondang Sayang****Kunci kira-kira pada 31 Julai 2009**

<b>Aset bukan Semasa</b>			<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Alatan Pejabat		5400	Modal		15000
			(-)Rugi Bersih		380
			Modal Akhir		14620
<b>Aset Semasa</b>			<b>Liabiliti semasa</b>		
Stok		3300	Pemiutang		3400
Bank		5280			
Penghutang		2240			
Tunai		1800			
		<u>18020</u>			<u>18020</u>

**TOPIK 3,4,5,6 : DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT,  
JURNAL SEBAGAI BUKU CATATAN PERTAMA, LEJAR DAN IMBANGAN DUGA**

**Soalan 1****BUKU TUNAI**

Tarikh	Butir	F	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	F	Disk	Tunai	Bank
2009			RM	RM	RM	2009			RM	RM	RM
Apr 1	Modal			800	36 000	Apr 10	Syarikat Vyes Dior		406		7 714
15	Jualan			3 105		24	Caj bank				60
30	Syarikat Melati Beauty				2 000	26	Syarikat Rose Perfume				7 440
						27	Gaji			700	
						31	Baki	h/b		3 205	22 786
			-	3 905	38 000				406	3 905	38 000

**JURNAL AM**

TARIKH	BUTIR	F	DEBIT	KREDIT
2009			RM	RM
Apr 1	Tunai		800	
	Bank		36 000	
	Stok		12 000	
	Modal			48 800
	(Merekod aset dan modal untuk memulakan perniagaan)			
20	Promosi		250	
	Belian			250
	(Ambilan barang niaga untuk kegunaan promosi)			

**JURNAL BELIAN**

TARIKH	BUTIR	F	No. Inv@ND	JUMLAH
2009				RM
Apr 7	Syarikat Vyes Dior		6791	8 120
13	Syarikat Rose Perfume		6792	12 440
30	Akaun Belian	Dt		20 560

**JURNAL JUALAN**

TARIKH	BUTIR	F	No. Inv@ND	JUMLAH
Apr 18	Syarikat Melati Beauty		3724	4 760
30	Akaun Jualan	Kt		4 760

## JURNAL PULANGAN JUALAN

TARIKH	BUTIR	F	No. NK	JUMLAH
2009				RM
Apr 21	Syarikat Melati Beauty		NK017	352
30	Akaun Pulangan Jualan	Dt		352

(b)

## Akaun Stok

2009		RM	2009		
Apr 1	Modal	12 000	Apr 30	Baki h/b	12 000
		<u>12 000</u>			<u>12 000</u>
Mei 1	Baki b/b	12 000			

## Akaun Modal

2009		RM	2009		
Apr 30	Baki h/b	48 800	Apr 1	Tunai	800
		<u>48 800</u>		Bank	36 000
				Stok	12 000
					<u>48 800</u>
			Mei 1	Baki b/b	48 800

## Akaun Promosi

2009		RM	2009		
Apr 20	Belian	250	Apr 30	Baki h/b	250
		<u>250</u>			<u>250</u>
Mei 1	Baki b/b	250			

## Akaun Belian

2009		RM	2009		RM
Apr 30	Pelbagai pemiutang	20 560	Apr 20	Promosi	250
		<u>20 560</u>	30	Baki h/b	20 310
					<u>20 560</u>
Mei 1	Baki b/b	20 310			

## Syarikat Vyes Dior

2009		RM	2009		RM
Apr 10	Diskaun diterima	406	Apr 7	Belian	8 120
	Bank	7 714			
		<u>8 120</u>			<u>8 120</u>

## Syarikat Rose Perfume

2009		RM	2009		RM
Apr 26	Bank	7 440	Apr 13	Belian	12 440
30	Baki h/b	5 000			
		<u>12 440</u>			<u>12 440</u>
			Mei 1	Baki b/b	5 000

## Syarikat Melati Beauty

2009		RM	2009		RM
Apr 18	Jualan	4 760	Apr 21	Pulangan jualan	352
			30	Bank	2 000
			30	Baki h/b	4 408
		<u>4 760</u>			<u>4 760</u>
Mei 1	Baki b/b	4 408			

## Akaun Jualan

2009		RM	2009		RM
Apr 30	Baki h/b	7 865	Apr 15	Tunai	3 105
			30	Pelbagai penghutang	4 760
		<u>7 865</u>			<u>7 865</u>
			Mei 1	Baki b/b	7 865

## Akaun Pulangan Jualan

2009		RM	2009		RM
Apr 30	Pelbagai penghutang	352	Apr 30	Baki h/b	352
		<u>352</u>			<u>352</u>
Mei 1	Baki b/b	352			

## Akaun Caj Bank

2009		RM	2009		RM
Apr 24	Bank	60	Apr 30	Baki h/b	60
		<u>60</u>			<u>60</u>
Mei 1	Baki b/b	60			

## Akaun Gaji

2009		RM	2009		RM
Apr 27	Tunai	700	Apr 30	Baki h/b	700
		<u>700</u>			<u>700</u>
Mei 1	Baki b/b	700			

## Akaun Diskaun Diterima

2009		RM	2009		RM
Apr 30	Baki h/b	406	Apr 30	Pelbagai pemiutang	406
		<u>406</u>			<u>406</u>
			Mei 1	Baki b/b	406

## (c) Imbangan Duga Pada 30 April 2009

RM		RM	
Tunai	3 205	Modal	48 800
Bank	22 786	Syarikat Rose Perfume	5 000
Stok	12 000	Jualan	7 865
Promosi	250	Diskaun diterima	406
Belian	20 310		
Syarikat Melati Beauty	2 408		
Pulangan jualan	352		
Caj bank	60		
Gaji	700		
	<u>62 071</u>		<u>62 071</u>

**Soalan 2****JURNAL AM**

Tarikh	Butir- butir	Debit	Kredit
2009			
Jun 2	Perabot	2 500	
	Kelengkapan	5 500	
	Bank	9 000	
	Tunai	800	
	Perniagaan Bee	250	
	Syarikat Wira		900
	Modal		17 150
	( Catatan Pembukaan )		
		<u>18 050</u>	<u>18 050</u>

**JURNAL BELIAN**

Tarikh	Butir- butir	No. Invois & ND	Jumlah RM
2009			
Jun 2	Syarikat Cekap		960.00
27	Syarikat Cekap		522.00
30	Akaun Belian (dt)		<u>1482.00</u>

**JURNAL PULANGAN BELIAN**

Tarikh	Butir- butir	No. Invois & ND	Jumlah RM
2009			
Jun 5	Syarikat Wira		112.00
30	Akaun Pulangan Belian (kt)		<u>112.00</u>

**JURNAL JUALAN**

Tarikh	Butir-Butir	No. Invois	Jumlah RM
2009			
Jun 24	Kedai Alat Sukan Seri Aiman		540.00
29	Kedai Alat Sukan Seri Aiman		405.00
30	Akaun Jualan (kt)		<u>945.00</u>

**BUKU TUNAI**

Tarikh	Butir-butir	Dis	Tunai RM	Bank RM	Tarikh	Butir	Dis	Tunai RM	Bank RM
2009					2009				
Jun 1	Baki b/b		800	9000	Jun 15	Alat Pejabat			3 600
7	Jualan		648		19	Pembersihan kedai		800	
22	Bank (k)		300			Syarikat Cekap	30		620
					20	Tunai (k)			300
					22	Syarikat Cekap	20		700
					27	Komisen Jualan			200
					30	Baki h/b		948	3 580
			<u>1 748</u>	<u>9000</u>				<u>1 748</u>	<u>9 000</u>
Jul 1	Baki b/b		948	3 580			50		

b.

## Akaun Perabot

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2009 Jun 1	Baki b/b	2 500			

## Akaun Kelengkapan

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2009 Jun 1	Baki b/b	5 500			

## Perniagaan Arif

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2009 Jun 1	Baki b/b	250			

## Syarikat Cekap

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2009 Jun 5	Pulangan belian	112	2009 Jun 1	Baki b/b	900
20	Bank	620	2	Belian	960
27	Diskaun diterima	30	27	Belian	522
	Bank	700			
	Diskaun diterima	20			
	Baki h/b	900			

## Akaun Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			2009 Jun 7	Tunai	648
			30	Pelbagai penghutang	945

## Akaun Alatan Pejabat

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 15	Bank	3 600			

## Akaun Pembersihan kedai

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 19	Tunai	800			

## Akaun Komisen Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 27	Bank	200			

## Akaun Belian

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 30	Pelbagai pemiutang	1482			

## Akaun Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			Jun 30	Pelbg Pemiutang	112

## Kedai Alatan Sukan Seri Aiman

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 24	Jualan	540			

## Akaun Diskaun Diterima

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			Jun 30	Pelbg Pemiutang	50

## Akaun Modal

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			Jun 1	Baki b/b	17 150

c)

## Imbangan Duga pada 30 Jun 2009

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	948	
Bank	3 580	
Modal		17 150
Pulangan Belian		112
Kedai Alat Sukan Aiman	945	
Diskaun Diterima		50
Jualan		1 593
Alat Pejabat	3 600	
Pembersihan Kedai	800	
Komisen jualan	200	
Belian	1 482	
Perabot	2 500	
Kelengkapan	5 500	
Perniagaan Arif	250	
Syarikat cekap		900
	<u>19805</u>	<u>19 805</u>

**Soalan 3**

## Akaun Kawalan Pemiutang

Baki b/b	177	Baki b/b	965
Pulangan Belian	243	Belian	7833
Bank	6120	Baki h/b	110
Diskaun diterima	138		
Kontra	130		
Baki h/b	2100		
	<u>8908</u>		<u>8908</u>

## Akaun Kawalan Penghutang

Baki b/b	875	Baki b/b	96
Bank	125	Pulangan Jualan	271
(cek tak layan)		Bank	7996
Jualan	9485	Diskaun diberi	112
Baki h/b	150	Hutang lapuk	160
		Kontra	130
		Baki h/b	1870
	<u>10635</u>		<u>10635</u>

**Soalan 4**

a) Akaun Kawalan Pemiutang			
Baki b/b	245	Baki b/b	2370
Pulangan Belian	292	Belian	31580
Bank	22875	Angkutan masuk	1244
Diskaun diterima	386	Baki h/b	330
Kontra	235		
Kontra	179		
Baki h/b	11312		
	<u>35524</u>		<u>35524</u>
b) Akaun Kawalan Penghutang			
Baki b/b	2260	Baki b/b	350
Bank	276	Pulangan Jualan	115
Faedah	132	Bank	31652
Jualan	43260	Diskaun diberi	413
Diskaun diberi	30	Hutang lapuk	490
Baki h/b	280	Kontra	179
		Kontra	235
		Baki h/b	12804
	<u>46238</u>		<u>46238</u>

- c) Jumlah belian = 31 580 + 5 530 = RM 37 110  
 Jumlah jualan = 43 260 + 7 140 = RM 50 400

**TOPIK 7: MILIKAN TUNGGAL****Soalan 1**

a) Perniagaan Jamilah Bersaudara				
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Sept 2009				
	Jualan			60 000
(-)	Pulangan Jualan			320
				59 680
(-)	<b>Kos Jualan</b>			
	Stok awal		3 500	
(+)	Belian	40 000		
(-)	Pulangan Keluar	200		
		39 800		
	Duti Import	500	40 300	
	Kos barang untuk dijual		43 800	
(-)	Stok akhir		3 200	
	Kos Jualan			40 600
	<b>Untung kasar</b>			19 080
(+)	<b>Hasil</b>			
	Komisen diterima		400	
	Peruntukan hutang ragu		40	440
				19 520
(-)	<b>Belanja</b>			
	Gaji		1600	
	Sewa		3 300	
	Insurans		1 200	
	Kadar bayaran		1 900	
	Hutang Lapuk		800	
	Faedah atas Pinjaman		300	
	Susut nilai Kenderaan		3 000	
	Susut nilai Alatan Pejabat		800	12 900
	Untung Bersih			6 620

b) Perniagaan Jamilah Bersaudara				
Kunci Kiara-kira pada 30 September 2009				
ASET BUKAN SEMASA		RM	RM	RM
	Kenderaan		30 000	
(-)	Peruntukan Susut nilai		6 000	24 000
	Alatan Pejabat		8 000	
(-)	Peruntukan Susutnilai		800	7 200
	<b>ASET SEMASA</b>			31 200
	Bank		5 000	
	Penghutang	6 000		
(-)	Hutang Lapuk	800		
		5 200		
(-)	Peruntukan hutang ragu	260	4 940	
	Stok Akhir		3 200	
			13 140	
	<b>Tolak LIABILITI SEMASA</b>			
	Pemiutang	7 000		
	Sewa terakru	300		
	Kadar Pinjaman terakru	300	7 600	
	Modal Kerja			5 540
				36 740
	<b>DIBIYAI OLEH :</b>			
	Modal awal		25 120	
(+)	Untung Bersih		6 620	31 740
	<b>LIABILITI BUKAN SEMASA :</b>			
	Pinjaman			5 000
				36 740

**Soalan 2**

a) Perniagaan Muhammad			
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Julai 2009			
	Jualan		50 400
(-)	Pulangan Jualan		230
			50 170
(-)	<b>Kos Jualan</b>		
	Stok awal	3 200	
(+)	Belian	30 800	
(-)	Pulangan Belian	180	
		30 620	
	Cukai Import	4 70	31 090
	Kos barang untuk dijual		34 290
(-)	Stok akhir		3 450
	Kos Jualan		30 800
	<b>Untung kasar</b>		19 330
(+)	<b>Hasil</b>		
	Komisen diterima		340
			19 670
(-)	<b>Belanja</b>		
	Gaji	1 420	
	Sewa	3 170	
	Insurans	1 160	
	Kadar bayaran	1 720	
	Susutnilai Alatan Pejabat	936	
	Susutnilai Kenderaan	2 232	
	Peruntukan hutangragu	100	
	Hutang Lapuk	400	
	Faedah atas Pinjaman	100	11 238
	Untung Bersih		8 432

b) Perniagaan Muhammad			
Kunci Kira-Kira pada 31 Julai 2009			
ASET BUKAN SEMASA	RM	RM	RM
Kenderaan		24 800	20 088
(-) Peruntukan Susutnilai		4 712	
Alatan Pejabat		9 360	8 424
(-) Peruntukan Susutnilai		936	
			28 512
<b>ASET SEMASA</b>			
Bank		4 320	
Penghutang	4 900		
(-) Hutang Lapuk	400		
	4 500		
(-) Peruntukan hutang ragu	360	4 140	
Stok		3 450	
		11 910	
<b>Tolak LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	5 500		
Sewa terakru	370		
Kadar Pinjaman terakru	100	5 970	
Modal Kerja			5 940
			34 452
<b>DIBIYAI OLEH :</b>			
Modal		21 0320	
(+) Untung Bersih		8 432	29 452
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA :</b>			
Pinjaman			5 000
			34 452

**Soalan3**

a) Perniagaan Lilaodah Enterprise				
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2009				
	Jualan			82 000
(-)	Pulangan Jualan			1 800
				80 200
(-)	<b>Kos Jualan</b>			
	Stok awal		10 080	
(+)	Belian	46 140		
(-)	Pulangan Belian	120	46 020	
	Kos barang untuk dijual		56 100	
(-)	Stok akhir		9 200	
	Kos Jualan			46 900
	<b>Untung kasar</b>			33 300
(-)	<b>Belanja</b>			
	Gaji		1 080	
	Sewa		5 600	
	Insurans		1240	
	Kadar bayaran		1 600	
	Iklan & promosi		2 450	
	Hutang Lapuk		400	
	Susutnilai Kenderaan		6 300	
	Susutnilai Perabot		1 335	20 005
	Untung Bersih			13 295

b) Perniagaan Lilaodah Enterprise			
Kunci Kira-Kira pada 31 Julai 2009			
ASET BUKAN SEMASA	RM	RM	RM
Kenderaan		42 000	
(-) Peruntukan Susutnilai		7 500	34 500
Perabot		8 900	
(-) Peruntukan Susutnilai		1335	7 565
<b>ASET SEMASA</b>			42 065
Penghutang	7 600		
(-) Hutang Lapuk	400	7 200	
Stok		9 200	
Insuran terdahulu		240	
		16 640	
<b>Tolak LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	6 500		
Overdraft	4 500		
Sewa terakru	800	11 800	
Modal Kerja			4 840
			46 905
<b>DIBIYAI OLEH :</b>			
Modal awal			33 790
(+) Untung Bersih			13 295
			47 085
(-) Ambilan			180
			46 905

**Soalan 4**

a) Perniagaan Dililah				
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2009				
	Jualan			89 853
(-)	Pulangan Jualan			322
				89 531
(-)	<b>Kos Jualan</b>			
	Stok awal		12 040	
(+)	Belian	51 422		
(-)	Pulangan Belian	273		
		51 149		
	Cukai Import	1 547	52 696	
(-)	Kos barang untuk dijual		64 736	
	Stok akhir		10 080	
	Kos Jualan			54 656
(+)	<b>Untung kasar</b>			34 875
	<b>Hasil</b>			525
(-)	Komisen diterima			35 200
(-)	<b>Belanja</b>			
	Hutang Lapuk		800	
	Gaji		3 800	
	Sewa		1 200	
	Insurans		1 350	
	Kadar bayaran		1 560	
	Susutnilai Kenderaan		1 820	
	Susutnilai Alatan Pejabat		670	
	Peruntukan hutangragu		915	
	Faedah atas Pinjaman		224	12 339
	Untung Bersih			22 861

b) Perniagaan Dililah			
Kunci Kira-Kira pada 30 April 2009			
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>	RM	RM	RM
Kenderaan		23 800	16 380
(-) Peruntukan Susutnilai		7 420	
Alatan Pejabat		6 700	6 030
(-) Peruntukan Susutnilai		6 70	
			22 410
<b>ASET SEMASA</b>			
Bank		10 389	
Insuran terdahulu		450	
Stok		10 080	
Penghutang	24 700		
(-) Hutang Lapuk	300		
	24 400		
(-) Peruntukan hutang ragu	1 235	23 165	
		44 084	
<b>Tolak LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang	16 600		
Kadar Pinjaman terakru	224	16 844	
Modal Kerja			27 260
			49 670
<b>DIBIAYAI OLEH :</b>			
Modal		20 409	
(+) Untung Bersih		22 861	43 270
<b>LAIBILITI BUKAN SEMASA :</b>			
Pinjaman			6 400
			49 670

**Soalan 5**

a) Perniagaan Kedai Runcit Cendana				
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2009				
	Jualan			76 200
(-)	Pulangan Jualan			245
				75 955
(-)	<b>Kos Jualan</b>		10 750	
	Stok awal			
(+)	Belian	64 760		
(-)	Pulangan Belian	340		
		64 420		
	Angkutan masuk	650	65 070	
	Kos barang untuk dijual		75 820	
(-)	Stok akhir		11 650	
	Kos Jualan			64 170
	Untung kasar			11 785
(+)	<b>Hasil</b>			
	Sewa diterima			5 400
	Peruntukan hutang ragu			153
				17 338
(-)	<b>Belanja</b>			
	Gaji		8 500	
	Angkutan Keluar		610	
	Kadar bayaran		2 260	
	Susut nilai Alatan Pejabat		680	12 050
	Untung Bersih			5 288

b)

Perniagaan Kedai Runcit cendana			
Kunci Kira-Kira pada 31 Mac 2009			
ASET BUKAN SEMASA	RM	RM	RM
Premis			80900
Alatan		7 500	
(-) Peruntukan Susut nilai		1 380	6 120
			87 020
<b>ASET SEMASA</b>			
Bank		4 875	
Sewa Belum terima		500	
Stok		11 650	
Penghutang	9 850		
(-) Peruntukan hutang ragu	197	9 653	
		26 678	
<b>Tolak LIABILITI SEMASA</b>			
Pemiutang		8 960	
Modal Kerja			17 738
			104 738
<b>DIBIAYAI OLEH :</b>			
Modal			100 000
(+) Untung Bersih			5 288
			105 288
(-) Ambilan			550
			104 738

## TOPIK 8 : PERAKAUNAN UNTUK TUNAI

### Soalan 1

#### Buku Tunai (kemaskini)

2009				2009			
Apr 30	Baki b/b	15332		Apr 30	Buku cek	15	
	Dividen	400			Komisen	220	
					Insuran	45	
					Kedai Muthu	1066	
					Baki h/b	14386	
							15732
		15732					
Mei 1	Baki b/b	14386					

#### Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2009

Baki debit seperti dalam Buku Tunai		14386
(+) Cek-cek yang belum dikemukakan		
Belian	650	
Gaji	2000	2650
		17036
(-) Deposit yang belum dikemukakan		
Hassan		2052
Baki kredit seperti dalam Penyata Bank		14984

Tujuan menyediakan **Penyata Penyesuaian Bank** ialah :

- Menunjukkan sebab-sebab perbezaan antara baki Buku Tunai dan Penyata Bank.
- Menyesuaikan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
- Memastikan tidak ada sebarang ketinggalan atau kesilapan di Buku Tunai dan Penyata Bank.

### Soalan 2

Buku Tunai (kemaskini)					
2009			2009		
Julai 31	Dividen	355	Julai 31	Baki b/ b	4388
	Baki h/b	4469		Caj bank	25
				KWSP	384
				Belian	27
		<u>4824</u>			<u>4824</u>
			Ogos 31	Baki b/b	4469

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2009			
Baki Kredit seperti dalam Buku Tunai (kemaskini)			(4469)
(+) Cek-cek yang belum dikemukakan			
Syarikat Zuhila	581		
Kedai Silvaraj	1945	2526	
			(1943)
(-) Deposit yang belum dikemukakan			
Zulaikha	620		
Lim Mee King	1171	1791	
Baki debit seperti dalam Penyata Bank			<u>(3734)</u>

### Soalan 3

Buku Tunai (kemaskini)					
2009			2009		
Apr 30	Baki b/b	6780	Apr 30	Buku cek	15
	Dividen	220		Caj bank	10
	Syarikat Gauri	18		Insuran	220
	(kesilapan)			Selina (CTL)	225
				Baki h/b	6548
		<u>7018</u>			<u>7018</u>
Mei 1	Baki b/b	6548			

